



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***TEMA KEISLAMAN DALAM LIRIK DIKIR AL-BURDAH DI
KAMPUNG HULU, SRI AMAN, SARAWAK, MALAYSIA***

NORYAMISMA BINTI ISMAIL

FBMK 2018 59



**TEMA KEISLAMAN DALAM LIRIK DIKIR AL-BURDAH DI
KAMPUNG HULU, SRI AMAN, SARAWAK, MALAYSIA**

Oleh

NORYAMISMA BINTI ISMAIL

Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

April 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Segala pujian dan kesyukuran ke hadrat Ilahi
atas curahan idea, ketabahan jiwa, kesihatan tubuh badan,
akhirnya terlaksana impianku merealisasikan tesis ini.

Selawat dan salam atas junjungan mulia Rasulullah s.a.w.
serta keluarga dan juga sahabat Baginda.

Buat ayahanda dan bonda tersayang,
Ismail Bin Idris dan Mariam Binti Ahmat,
jutaan terima kasih di atas
sokongan dan juga dorongan
dari segi moral maupun material.

Tak terbalas jasa kalian berdua.
Ku akui walaupun jarak pemisah antara kita,
namun, doa kalian jua sentiasa mengiringi langkah
dan perjuanganku di sini.
Hanya doa mampu ku panjatkan agar
Allah s.w.t senantiasa memelihara kalian berdua.

Buat adindaku tersayang,
Nur Zawani Binti Ismail,
terima kasih atas bantuan dan sokonganmu.

Buat penyelia yang dihormati lagi disayangi,
Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani,
jutaan terima kasih diucapkan.
Dikaulah lentera yang menerangiku,
malah, penyuluhan jalan dan pembakar semangatku
dalam setiap perjuanganku ini.

Jasamu amat kuhargai dan akan sentiasa bersemadi dalam ingatanku.

Tak lupa jua diucapkan kepada informan iaitu
Cik Radiah Binti Haji Mohd. Tahir
kerana sudi meluangkan masa untuk memberikan
segala maklumat yang diperlukan untuk dimuatkan
dalam tesis ini.

Perkongsian fakta tentang Dikir Al-Burdah dan selainnya
amat ku hargai.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**TEMA KEISLAMAN DALAM LIRIK DIKIR AL-BURDAH DI KAMPUNG
HULU, SRI AMAN, SARAWAK, MALAYSIA**

Oleh

NORYAMISMA BINTI ISMAIL

April 2018

Pengerusi : Profesor Madya Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertitik tolak daripada pengamatan awal yang mendapati korpus penyelidikan ilmiah tentang persembahan dikir di Malaysia yang belum komprehensif. Dalam konteks ini, pengamatan awal mengenal pasti dua tulisan awal tentang kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak, iaitu tulisan Raslie Saharan (1988) yang menyatakan secara umum tentang adanya kegiatan Dikir Al-Burdah di Daerah Sri Aman. Selain itu ialah tulisan Hj. Muhammad Bukhari Lubis (1994) yang mendeskripsikan tentang kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, Daerah Kecil Kabong. Selain tidak memberikan fokus terhadap isi kandungan lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak, kedua-dua tulisan terutamanya tulisan Raslie Saharan (1988) mengundang penelitian khusus terhadap kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Daerah Sri Aman, Bahagian Sri Aman. Kajian ini dijalankan bagi merealisasikan tiga objektif. Pertama, mengenal pasti tema yang terdapat dalam lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji. Kedua, menganalisis tema-tema keislaman berdasarkan lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji. Dan ketiga, merumuskan tema-tema keislaman berdasarkan lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji. Bagi mencapai kesemua objektif di atas, kajian ini menggunakan pakai pendekatan kualitatif, khususnya wawancara, pengamatan (*observation*), dan analisis isi kandungan (*content analysis*). Kajian ini tertumpu pada kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Daerah Sri Aman, Bahagian Sri Aman. Kajian ini berhasil dalam mendeskripsikan kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman yang sehingga kini didapati masih aktif dengan sejarah serta asal-usulnya yang jelas, mempunyai bentuk serta tata cara persembahannya yang tertentu, selain digiatkan pula oleh sesebuah persatuan kebudayaan iaitu Persatuan Sinar Budaya yang aktif serta diorganisasi secara terancang termasuk mempunyai perancangan masa hadapan yang jelas. Selain itu, kajian ini juga berhasil dalam mendokumentasikan 24 buah lirik Dikir Al-Burdah yang didendangkan di Kampung Hulu, yang kesemuanya dikepulkan dalam Lampiran A. Seterusnya, kajian ini berhasil dalam menganalisis lirik Dikir Al-Burdah yang telah didokumentasikan itu, serta mengenal pasti 10 tema yang digarap dalam lirik-lirik yang dianalisis. Akhir

sekali, kajian ini berhasil dalam merumuskan bahawa lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak yang dikaji memang mempunyai kaitan dengan Islam. Adalah menjadi harapan agar dapatan-dapatan kajian ini berupaya memperkayakan lagi korpus penyelidikan dan kesarjanaan, serta membuka jalan bagi usaha-usaha ilmiah yang selanjutnya.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the requirement for the degree of Master of Arts

**ISLAMIC THEME IN THE DIKIR AL-BURDAH LYRIC AT
KAMPUNG HULU, SRI AMAN, SARAWAK, MALAYSIA**

By

NORYAMISMA BINTI ISMAIL

April 2018

Chairman : Associate Professor Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This study is based on early observations that the corpus of scientific research on the performance of Malaysian Dikir has not yet been comprehensive. In this context, early observations identified two early writings on the activities of Dikir Al-Burdah in Sarawak, written by Raslie Saharan (1988) which generally stated the existence of Dikir Al-Burdah in Sri Aman District. In addition, the writings of Hj. Muhammad Bukhari Lubis (1994) describe the activities of Dikir Al-Burdah in Kampung Sessang, Kabong Kecil District. Beside, not to focusing on the content of the lyrics of Dikir Al-Burdah in Sarawak, the two writings, especially written by Raslie Saharan (1988), invite special observation on Dikir Al-Burdah's activities in Kampung Hulu, Sri Aman District, Sri Aman Division. To realize this study three objectives was designed. The first objective is to identify the theme found in the lyric of Dikir Al-Burdah. The second objective is to analyse Islamic themes based on the lyrics of Dikir Al-Burdah. Thirdly is to summarize the themes of Islam based on the lyrics of Dikir Al-Burdah. To achieve all of the objectives, this study applies qualitative approaches, particularly interviews, observations, and content analysis. This study focuses on the activities of Dikir Al-Burdah in Kampung Hulu, Sri Aman District, Sri Aman Division. The study succeeded in describing the activities of Dikir Al-Burdah in Kampung Hulu, Sri Aman which until now is still active with its clear history and origin, has its particular form and procedure, as well as being promoted by a cultural association namely Persatuan Sinar Budaya which is an oragized association with clear future planning. On top of that, the study also succeeded in documenting the 24 lyrics of Dikir Al-Burdah which was sung in Kampung Hulu, all of which were attached in Appendix A. Furthermore, this study succeeded in analyzing the documented Dikir Al-Burdah lyrics, and identifying 10 themes that are analyzed in the lyrics. Finally, the study succeeded in concluding that the lyrics of Dikir Al-Burdah in Sarawak studied were related to Islam. It is hoped that these findings will enhance the corpus of inquiry and scholarship, and pave the way for further scientific efforts.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi. Selawat dan salam atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w. serta keluarga dan sahabat Baginda. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana limpah dan inayah-Nya, dapatlah saya menyiapkan tesis yang bertajuk “Tema Keislaman Dalam Lirik Dikir Al-Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak, Malaysia” sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk mendapat Ijazah Master Sastera di Universiti Putra Malaysia.

Saya ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada ayahanda dan bonda tercinta, Ismail Bin Idris dan Mariam Binti Ahmat di atas segala doa, pengorbanan, dorongan moral mahupun material serta kesabaran dalam mengiringi saya mengharungi segala cabaran dalam tempoh penghasilan tesis ini. Buat adinda tersayang, Nur Zawani Binti Ismail, sekalung terima kasih diucapkan atas sokongan yang tiada henti. Teruskanlah perjuanganmu dalam menggapai kejayaan di kampus hijau ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani, selaku penyelia tesis dan ‘mentor’ yang banyak membantu saya serta sedia meluangkan kelapangan masa untuk membimbang, memberi sokongan dan dorongan kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini. Saya amat menghargai semangat, kesabaran dan ilmu yang beliau curahkan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini ditujukan kepada Dr. Fazilah Husin dan juga Prof. Madya Dr. Norazlina Haji Mohd Kiram selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, Prof. Madya Dr. Arba’ie Sujud selaku pengerusi Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis, Prof. Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan juga Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah selaku pemeriksa, atas kesudian memberi pandangan dan saranan bagi memurnikan tesis ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih saya tujukan kepada informan utama iaitu Cik Radiah Binti Haji Mohd. Tahir serta ahli-ahli Persatuan Sinar Budaya, Kampung Hulu, Sri Aman kerana sudi meluangkan masa untuk diwawancara serta berkongsi sedikit sebanyak ilmu mengenai Dikir Al-Burdah di Sarawak. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan semua, tesis ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Akhir kata, saya berharap agar tesis ini dapat memberi manfaat kepada semua. Sekian, salam sayang dan salam ukhwah daripada saya.

Noryamisma Binti Ismail,
Serdang.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Fazilah Husin, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Noryamisma Binti Ismail, GS31555

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani

Tandatangan:

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Dr. Fazilah Husin

Tandatangan:

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Norazlina Haji Mohd Kiram

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Sorotan Literatur	3
1.3 Permasalahan Kajian	17
1.4 Objektif Kajian	20
1.5 Batasan Kajian	20
1.6 Metodologi	21
1.7 Takrifan Operasional	21
1.7.1 “Tema”	21
1.7.2 Dikir Al-Burdah	23
1.8 Organisasi Dan Pembahagian Bab	26
1.9 Kepentingan Kajian	28
2 METODOLOGI	29
2.1 Pengenalan	29
2.2 Lokasi/Lapangan Kajian	29
2.3 Informan	31
2.4 Pengamatan Dan Wawancara	33
2.4.1 Pengamatan	33
2.4.1.1 Rakaman Sesi Latihan Dan Sesi Persembahan Dikir Al-Burdah Oleh Persatuan Sinar Budaya, Kampung Hulu, Sri Aman	33
2.4.2 Wawancara	34
2.4.2.1 Wawancara Dengan Informan	35
2.5 Pemerolehan Dan Dokumentasi Bahan Kajian	35
2.6 Analisis Bahan Kajian Dan Kerangka Analisis	37
2.6.1 Kerangka Analisis: Formalisme	38
2.6.1.1 Sejarah Dan Falsafah Formalisme	38
2.6.1.2 Aspek “Tema” Sebagai Aparatus Kajian	39
2.7 Rumusan Hasil Analisis	40
2.8 Kesimpulan	41

3	KEGIATAN DIKIR AL-BURDAH DI KAMPUNG HULU, SRI AMAN, SARAWAK, MALAYSIA	42
3.1	Pengenalan	42
3.2	Kegiatan Dikir Al-Burdah Di Sarawak	42
3.2.1	Sejarah Dan Latar Belakang Masyarakat	42
3.2.2	Kegiatan Dikir Al-Burdah Di Sarawak	45
3.3	Kegiatan Dikir Al-Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak, Malaysia	45
3.3.1	Latar Belakang Kampung Hulu	45
3.3.2	Asal Usul Kegiatan Dikir Al-Burdah Di Kampung Hulu	45
3.3.3	Penubuhan Persatuan Sinar Budaya	46
3.3.4	Aktiviti Dan Pencapaian	47
3.3.5	Tata Cara Dan Persembahan	48
3.3.6	Perancangan Masa Hadapan	49
3.4	Kesimpulan	49
4	ANALISIS ASPEK TEMA DALAM LIRIK DIKIR AL-BURDAH DI KAMPUNG HULU, SRI AMAN, SARAWAK, MALAYSIA	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Tema “Kemajuan”	50
4.3	Tema “Adat Dan Budaya”	63
4.4	Tema “Keharmonian Rumah Tangga”	65
4.5	Tema “Kerasulan”	77
4.6	Tema “Kepemimpinan”	80
4.7	Tema “Kasih Sayang”	82
4.8	Tema “Keistimewaan Sarawak”	84
4.9	Tema “Jasa Guru”	89
4.10	Tema “Nasionalisme”	93
4.11	Tema “Kemeriahkan Lebaran”	96
4.12	Kesimpulan	101
5	RUMUSAN	102
RUJUKAN		105
LAMPIRAN		108
BIODATA PELAJAR		157

SENARAI SINGKATAN

bt.	binti
dll	dan lain-lain
dlm.	dalam
Ed.	editor
<i>et. al</i>	dan pengarang-pengarang lain
Hj.	Haji
hlm.	halaman
km	kilometer
r.a.	radiallahuanhu
s.a.w	Sallallahuaihiwasallam
s.w.t.	Subhanahuwataala
Tn. Hj.	Tuan Haji

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dikir merupakan satu seni persembahan yang sehingga kini masih dipersembahkan dalam kalangan masyarakat Melayu di beberapa negeri di Malaysia. Persembahan dikir ini dikenali dengan nama-nama yang berbeza di setiap negeri. Umpamanya, dalam kalangan masyarakat Melayu di Perak, persembahan dikir ini dikenali sebagai Dikir Perak. Manakala di Pahang pula, ia dikenali dengan nama Dikir Rebana. Selain itu ialah Dikir Minang dalam kalangan masyarakat Minangkabau di Malaysia, Dikir Badau di Terengganu, dan Dikir Nabi Allah di Negeri Sembilan. Di Selangor dan Pahang pula, persembahan dikir ini dinamakan sebagai Dikir Burdah atau turut disebut sebagai Dikir Berdah (Harun Mat Piah, 1989: 528). Walaupun berbeza nama dan gelaran, dalam masyarakat Melayu di Malaysia, dikir rata-rata cenderung dianggap sebagai satu bentuk seni persembahan yang bersifat keagamaan, khususnya keislaman. Tanggapan ini, antaranya terserlah pada nama dikir itu sendiri, yang dikatakan berasal daripada perkataan *zikr* dalam bahasa Arab yang bermaksud mengingati Allah s.w.t. dalam bentuk puji-pujian ke hadrat-Nya (Abdul Halim Ali, 2006: 122). Pendapat ini turut diakui oleh Harun Mat Piah (1989: 5) yang menjelaskan bahawa dikir (*zikir*) adalah berupa pujian dan pengajaran yang lazimnya berunsur agama. Namun begitu, dapat dikatakan bahawa tidak semua seni persembahan yang memakai nama “dikir” ini berkait dengan agama Islam. Umpamanya, Dikir Laba, Dikir Barat, Dikir Rebana Kering, Dikir Rebana Asal dan Dikir Timur yang kesemuanya terdapat di Kelantan, Dikir Lotah di Perak, dan Beduan di Perlis. Kesemua seni persembahan di atas, meskipun menggunakan nama “dikir”, tetapi didapati tiada unsur keagamaan dan lebih berupa persembahan hiburan masyarakat, sebagaimana yang dijelaskan oleh Harun Mat Piah dalam petikan berikut:-

Seperti yang diertikan oleh *Kamus Dewan* di atas, istilah dikir merangkumi juga permainan-permainan kesenian yang sama asalnya, tetapi telah hilang unsur-unsur agamanya hingga menjadi lebih dekat kepada hiburan, seperti ‘dikir laba’, ‘dikir barat’, ‘dikir rebana kering’, ‘dikir rebana asal’, dan ‘dikir timur’, semuanya terdapat di Kelantan, ‘dikir lotah’ di Perak dan ‘beduan’ di Perlis (Harun Mat Piah, 1989: 528).

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, dikir sering dianggap sebagai satu bentuk seni persembahan yang bersifat keislaman, rata-rata kerana namanya (dikir) yang sering dikaitkan dengan amalan “*zikir*” dalam Islam. Perkataan *zikr* dalam bahasa Arab bermaksud mengingati Allah s.w.t. dalam bentuk puji-pujian ke hadrat-Nya, yang dilakukan sama ada secara sendirian atau dalam kumpulan. Amalan *zikir* ini antaranya

dilakukan ketika selepas solat fardu atau ketika majlis bacaan tahlil iaitu sebuah majlis yang diisi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, selawat (ucapan salam) kepada Nabi Muhammad s.a.w., istighfar (lafaz memohon keampunan), dan doa ke hadrat Allah s.w.t. Dalam lafaz zikir, nama-nama Allah s.w.t. atau puji-pujian terhadap-Nya seperti “Subhanallah” (maha suci Allah), “Alhamdulilah” (segala puji bagi Allah) dan “Allahuakbar” (Allah Maha Besar), dilafazkan secara berulang-ulang kali mengikut hitungan tertentu (Harun Mat Piah, 1989: 526). Sesuai dengan pengertiannya, amalan zikir dilakukan oleh umat Islam dengan tujuan untuk mengingati dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t., sebagaimana yang dijelaskan oleh Harun Mat Piah dalam petikan berikut:-

Memang pada dasarnya perkataan zikir itu merujuk kepada perlakuan yang sebahagian daripada amal ibadat kepada Tuhan, iaitu dengan memuji-muji dan mengagungkan kekuasaan-Nya, serta puji-pujian kepada Rasul-Nya, Muhammad s.a.w. (Harun Mat Piah, 1989: 527).

Seterusnya, dengan pengertian (“zikir”) yang sedemikian, nama “dikir” yang dikatakan berasal daripada perkataan *zikir* turut dikaitkan dengan agama Islam. Pemahaman ini jelas apabila persembahan “dikir” rata-rata difahami di Malaysia sebagai alunan puisi-puisi yang memuji Rasulullah s.a.w. (Harun Mat Piah, 1989: 95). Takrifan ini diasaskan kepada penjelasan Harun Mat Piah yang menjelaskan bahawa kebanyakan isi dikir berkisar tentang pujian kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w., sebagaimana yang dijelaskan oleh Harun Mat Piah dalam petikan berikut:-

Dari segi bentuknya ia sama seperti talibun, tergolong sebagai dikir atau zikir kerana isinya yang kebanyakannya berupa pujian kepada Allah dan Rasul-Nya dan berfungsi dalam kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan istiadat, agama dan magis (Harun Mat Piah, 1989: 95).

Pandangan di atas turut sejajar dengan pemahaman Mohd Taib Osman (1979) yang menjelaskan bahawa berdikir merupakan suatu bentuk persembahan atau permainan kesenian yang mengandungi ungkapan puitis memuji Rasulullah s.a.w yang dinyanyikan dalam lagu dan irama tertentu, diiringi dengan bunyi-bunyian (paluan rebana) serta gerak-gerak fizikal seperti bergerak, berjalan, melompat atau menari sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:-

The common name Dikir, which consists of verses praising the Holy Prophet Muhammad, is accompanied by the beating of the rebana. There may or may not be a dance, as in the case of the Ratib where dancing in the form of stepping to the rhythm of the rebana performed. For instance, consists of a group of people in a circle with a leader called the Khalifah in the middle. The dance consists of many variations of stepping movements following the leader's chant and the chorus by the circle. Two or three rebana accompany the dance (Mohd. Taib Osman, 1979: 101-102).

Begitu juga pandangan Harun Jaafar (2009) yang menjelaskan bahawa “dikir” berasal daripada perkataan Arab *zikr* iaitu “*zakhar*” yang bermaksud mengingati Allah s.w.t. Dari segi isi, “*zakhar*” mengandungi doa dan kata-kata memuji Allah s.w.t. yang kebiasaannya didendangkan ketika menyambut hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. (juga disebut Maulidur Rasul), sebagaimana yang dijelaskan oleh Harun Jaafar, “....dikir ialah perkataan Arab ‘zikr’ yang...bermakna mengingati. Isinya ialah bacaan doa dan dilakukan dan mengandungi kata-kata memuji Allah; lazimnya ketika menyambut maulid Nabi” (Harun Jaafar, 2009: 47). Sesuai dengan pemahaman bahawa dikir merupakan sejenis puisi yang memuji Rasulullah s.a.w., persembahan dikir dalam masyarakat Melayu di Malaysia lazimnya dipersembahkan dalam majlis sambutan Maulidur Rasul, iaitu sambutan hari kelahiran junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w. (Harun Mat Piah, 1989: 526). Selain itu, dikir juga turut dipersembahkan dalam majlis-majlis seperti perkahwinan, khatam Al-Quran, naik buaian atau berendoi, menyambut Maulud dan sebagainya. Majlis-majlis ini rata-rata bertujuan untuk memohon keredaan Allah s.w.t. dan sekali gus mengharapkan keberkatan majlis yang dianjurkan itu (Harun Mat Piah, 1989: 547). Seiring dengan tujuan tersebut, tata cara persembahan dikir itu sendiri dianggap telah dibatasi atau diwarnai oleh syariat Islam. Umpamanya, kaum wanita yang terlibat dalam persembahan dikir kebiasaannya memakai pakaian yang menutup aurat seperti baju kurung dan tudung kepala manakala kaum lelaki pula berbaju melayu serta bersamping dan ada kalanya mengenakan baju kemeja batik dan berseluar panjang. Selain itu, dikir juga hanya diiringi dengan alat muzik yang sederhana serta tidak berlebihan seperti paluan kompong atau rebana, yang rata-rata dihukumkan sebagai harus dari segi syariat Islam. Dengan bentuk persembahan yang sedemikian, tidak menghairankan jika persembahan dikir dipersembahkan dalam majlis-majlis yang bersifat keagamaan, seperti yang dinyatakan di atas. Apa yang jelas daripada pengenalan di atas bahawa seni persembahan dikir dalam masyarakat Melayu di Malaysia rata-rata dikaitkan dengan agama Islam. Dengan kata lain, dikir umumnya ditanggapi sebagai satu persembahan yang bersifat keislaman.

1.2 Sorotan Literatur

Sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, telah ada beberapa kajian serta tulisan ilmiah berkaitan persembahan dikir. Antaranya ialah tulisan-tulisan ilmiah yang secara umum meneliti tentang dikir sebagai satu genre sastera. Terdapat juga kajian-kajian

tentang persembahan dikir yang terdapat di negeri-negeri tertentu di Malaysia yang diusahakan pada peringkat ijazah sarjana muda. Selain itu, terdapat juga beberapa catatan yang mirip kepada laporan penyelidikan tentang persembahan dikir di negeri-negeri tertentu, yang terbit dalam buku-buku berkaitan adat resam dan kebudayaan negeri. Tidak dinafikan bahawa korpus penyelidikan ilmiah tentang seni persembahan dikir ini masih agak terbatas. Namun begitu, ia dapat dianggap mencukupi bagi melakarkan pemahaman-pemahaman penting yang dapat memberikan arah atau petunjuk (*giving direction*) dalam usaha mengenal pasti permasalahan kajian. Untuk itu, bahagian seterusnya akan menyoroti satu demi satu kajian-kajian ilmiah yang sudah sedia terhimpun dalam korpus penyelidikan tentang seni persembahan dikir di Malaysia.

Perbincangan ini dimulakan dengan kajian Abdul Halim Ali (seterusnya Halim) dalam buku bertajuk *Mendekati Puisi Melayu Tradisional* (2006). Pada asasnya, buku ini secara umum membincangkan tentang puisi Melayu tradisional. Dalam Bab 3 bertajuk “Jenis-Jenis Puisi Melayu Tradisional”, Halim antaranya membincangkan tentang dikir sebagai sejenis puisi Melayu tradisional. Menurut Halim, dikir pada asasnya dianggap sebagai satu bentuk persembahan yang bersifat keagamaan atau keislaman. Tanggapan ini tergambar pada nama dikir itu sendiri yang dikatakan berasal daripada perkataan *zikr* dalam bahasa Arab yang bermaksud puji-pujian terhadap Allah s.w.t. dan Nabi Muhammad s.a.w. Dari sudut agama juga, makna zikir bererti mengingati Allah s.w.t. Puisi ini dinamakan dikir kerana setiap ungkapan atau kata-kata maksud atau isi puisi yang dipaparkan diselang-selikan dengan kata-kata atau ungkapan puji-pujian terhadap Allah s.w.t. dan Nabi Muhammad s.a.w. Lebih menarik ialah pandangan Abdul Halim Ali yang menganggap bahawa dikir sebagai apa yang disebutnya sebagai “puisi tumpang” yang bermaksud puisi yang menumpang bentuk puisi lain. Dalam hal ini, dikir dianggap menumpang bentuk pantun dan syair, sebagaimana yang dijelaskannya:-

Sebuah lagi puisi terkelompok dalam puisi tumpang ialah zikir atau dikir. Puisi ini asal ialah ungkapan-ungkapan pujian kepada Allah dan Rasul-Nya dan ditampil dalam bentuk pantun atau syair. Ini bermakna zikir atau dikir ini menumpang bentuk pada bentuk pantun dan syair (Abdul Halim Ali, 2006: 122).

Seterusnya ialah kajian Harun Mat Piah (seterusnya Harun) bertajuk *Fungsi Dan Penyebaran Permainan Kesenian Melayu* (1980). Tulisan ini secara umum membincangkan tentang permainan kesenian Melayu meliputi segala aktiviti permainan rakyat. Di bawah judul bertajuk “Permainan Berunsur Agama”, Harun antara lain membincangkan tentang dikir yang dianggapnya sebagai satu persembahan yang berunsur keagamaan. Menurut Harun, dikir kemudiannya berkembang menjadi suatu bentuk persembahan atau permainan kesenian yang berunsur hiburan, sebagaimana yang dijelaskannya:-

Permainan jenis ini lebih banyak unsur-unsur agamanya, walaupun dalam beberapa hal, atau dalam bentuknya yang awal ada hubungannya dengan ritual dan kemudiannya berfungsi juga sebagai hiburan (Harun Mat Piah, 1980: 25).

Seterusnya, Harun turut menjelaskan bahawa seni kata dikir biasanya bercampur Arab dan Melayu, dan kadang-kadang terdapat dalam bentuk pantun, tetapi nada lagunya mendekati Timur Tengah atau lagu-lagu zikir memerlukan nada tinggi (Harun Mat Piah, 1980: 25). Menurut Harun lagi, kebanyakannya isi dikir berkisar tentang pujiyan kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. dan justeru dikir berfungsi dalam kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan istiadat, agama dan magis, sebagaimana yang dijelaskannya:-

Dari segi bentuknya ia sama seperti talibun, teromba dan mantera dan mungkin terjadi daripada kombinasi pelbagai bentuk seperti pantun, syair atau talibun; tergolong sebagai dikir atau zikir kerana isinya yang kebanyakannya berupa pujiyan kepada Allah dan Rasul-Nya dan berfungsi dalam kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan istiadat, agama dan magis (Harun Mat Piah, 1989: 95).

Seterusnya ialah kajian yang dilakukan oleh Mohd. Taib Osman (Mohd. Taib) bertajuk *Traditional Malay Music: A Traditional Cultural Expression in Contemporary Setting* (1979). Kajian ini antara lain membincangkan tentang persembahan muzik Melayu tradisional yang menjadi ekspresi budaya dalam masyarakat kontemporari. Dalam tulisan ini, Mohd. Taib turut membicarakan tentang dikir yang merupakan satu bentuk persembahan atau kesenian yang bercorak keagamaan. Dikir biasanya dipersembahkan secara berkumpulan dengan diketuai oleh seorang ketua yang dipanggil "Khalifah" yang berada di tengah-tengah kumpulan. Menurut beliau, persembahan ini lazimnya melibatkan dendangan puisi yang mengandungi pujiyan kepada Rasulullah s.a.w., dengan diiringi dengan paluan dua atau tiga buah rebana. Mohd. Taib turut menjelaskan bahawa persembahan dikir adakalanya melibatkan gerakan tertentu mengikut paluan rebana itu sendiri. Lazimnya gerakan ini melibatkan hentakan kaki mengikut irama yang dialunkan oleh ketua dan ahli kumpulan, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:-

The common name Dikir, which consists of verses praising the Holy Prophet Muhammad, is accompanied by the beating of the rebana. There may or may not be a dance, as in the case of the Ratib where dancing in the form of stepping to the rhythm of the rebana performed. For instance, consists of a group of people in a circle with a leader called the Khalifah in the middle. The dance consists of many variations of stepping movements following the leader's chant and the chorus by the circle. Two or three rebana accompany the dance (Mohd. Taib Osman, 1979: 101-102).

Selain tulisan-tulisan ilmiah di atas yang secara umum meneliti tentang dikir sebagai satu genre sastera, terdapat juga beberapa kajian ilmiah yang mengkaji dikir-dikir tertentu yang dipersembahkan di lokasi/lapangan tertentu. Antaranya ialah projek ilmiah pada tahap ijazah sarjana muda, yang diusahakan oleh Abdul Razak Bin Mohamed (seterusnya Abdul Razak) bertajuk “Dikir Pahang” (1976/77). Projek ilmiah Abdul Razak ini membangkitkan permasalahan tentang Dikir Pahang, iaitu sejenis seni persembahan yang dikatakan begitu popular dalam kalangan masyarakat Melayu di Pahang pada suatu ketika dahulu. Projek ilmiah Abdul Razak ini menjelaskan bahawa dikir Pahang merupakan nyanyian dalam bahasa Arab yang dikatakan diciptakan daripada kitab *Majmuah Maullud Syafarul Anam*. Pendikirnya berdiri bergilir-gilir mengikut irama dengan irungan tepukan rebana dan dinyanyikan bertujuan untuk memuji Allah s.w.t. dan Nabi Muhammad s.a.w. Akan tetapi, menjelang tahun 1970-an, persembahan dikir ini dikatakan semakin kurang mendapat sambutan, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Hal ini ditambahkan lagi dengan kurangnya dokumentasi ilmiah mengenainya. Justeru, projek ilmiah Abdul Razak ini diusahakan dengan tujuan untuk mendokumentasikan secara ilmiah persembahan Dikir Pahang. Usaha ini dianggap penting bagi membolehkan seni persembahan ini dipelajari dan sekali gus diperkenalkan kepada generasi muda. Untuk itu, projek ilmiah Abdul Razak ini juga meneliti cara persembahan Dikir Pahang, serta mengenal pasti tujuan persembahannya. Projek ilmiah ini mengumpulkan maklumat tentang sejarah perkembangan dikir di Mukim Langgar, Pulau Rusa dan Ganchong, yang kesemuanya terletak di Daerah Pekan, Pahang (Abdul Razak, 1976/77: 3). Projek ilmiah Abdul Razak ini menjadikan temu bual sebagai kaedah utama dalam memperolehi bahan-bahan kajian. Temu bual dijalankan terhadap beberapa informan yang mewakili setiap kawasan kajian. Sebagai hasil kajian, projek ilmiah Abdul Razak ini mendapati bahawa Dikir Pahang terbahagi kepada dua jenis, iaitu Dikir Maulud Rebana dan Dikir Berdaah (Abdul Razak, 1976/77: 2). Dikir Maulud Rebana terkenal dalam kalangan masyarakat di kawasan Kuala Sungai Luit, Maran dan seterusnya membawa ke Pekan. Sementara Dikir Berdaah pula didapati terkenal dalam kalangan penduduk dari Kuala Sungai Luit hingga ke Kuala Lipis. Dikir Pahang juga tidak dipersembahkan oleh masyarakat di kawasan persisiran laut seperti Beserah, Kuantan, Kuala Pahang dan Pekan. Hal ini kerana penduduk di tempat-tempat ini kebanyakannya dikatakan bukan anak jati negeri Pahang, sebaliknya berasal dari Terengganu dan Kelantan. Projek ilmiah Abdul Razak ini turut menjelaskan bahawa Dikir Pahang dipersembahkan dalam bentuk pantun Melayu lama yang dinyanyikan dengan diiringi paluan rebana serta alat-alat muzik lain seperti gamelan, gong dan serunai. Lebih menarik dalam kajian Abdul Razak ini ialah soal hubung kait antara persembahan Dikir Pahang dengan Islam yang turut diperkatakan

dalam projek ilmiah ini. Berbeza dengan tanggapan umum yang lazimnya menanggapi dikir sebagai satu seni persembahan yang bersifat keagamaan, projek ilmiah Abdul Razak sebaliknya menganggap Dikir Pahang tidak bersifat keislaman. Hal ini kerana persembahannya yang didapati tidak diiringi dengan bacaan doa, sebagaimana persembahan berdikir “Maulud Silang” (doa atau puji-pujian berlagu yang biasanya disampaikan dalam perayaan Maulud Nabi) dan “Barzanji” (puisi puji-pujian tentang riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. yang asalnya merupakan ciptaan Syed Jaafar al-Barzanji). Dalam menjelaskan soal perkaitan Dikir Pahang dengan Islam, projek ilmiah Abdul Razak menyimpulkan seperti dalam petikan berikut:-

Dikir Pahang yang merupakan unsur seni pertunjukan (*the performing art*), yang dimainkan, ‘*for the pleasure of making and hearing beautiful sounds whenever an occasion present itself*’, tidak mempunyai apa-apa konotasi agama sebab Dikir Pahang tidak diikuti oleh bacaan doa (Abdul Razak, 1976/1977: 89).

Seterusnya, sorotan ini beralih kepada sebuah lagi projek ilmiah pada tahap ijazah sarjana muda, yang diusahakan oleh Mohamad Nadzir Bin Hassan (seterusnya Mohamad Nadzir) yang bertajuk “Dikir Laba: Satu Tinjauan di Mukim Padang Embun, Pasir Mas, Kelantan” (1976/77). Sebagaimana Abdul Razak di atas, projek ilmiah Mohamad Nadzir ini juga membangkitkan masalah tentang sambutan terhadap lagu-lagu Dikir Laba yang dikatakan semakin berkurangan. Permasalahan ini diandaikan berkait rapat dengan lirik Dikir Laba yang dianggap sukar difahami. Dengan permasalahan ini, projek ilmiah Mohamad Nadzir ini diusahakan untuk mengamati perkembangan Dikir Laba di Kelantan, dan seterusnya menganalisis lirik yang dinyanyikan dalam persembahan Dikir Laba di Kampung Padang Embun, Pasir Mas, Kelantan. Kampung ini terletak lebih kurang 12 batu dari bandar Pasir Mas, Kelantan. Projek ilmiah Mohamad Nadzir ini menjadikan temu bual sebagai kaedah utama dalam memperolehi bahan-bahan kajian. Temu bual dijalankan terhadap beberapa informan, antaranya Encik Razali Bin Hj. Ibrahim, Wan Sulaiman Bin Imam Mahmud dan juga Wan Yusof Bin Hj. Wan Yaakub (Mohamad Nadzir, 1976/77: 3). Encik Wan Sulaiman dan Encik Yusof merupakan seorang “juara” iaitu gelaran yang diberikan kepada individu yang berdikir sebelum “tukang karut”. Dalam dokumentasinya, Mohamad Nadzir menjelaskan bahawa asal usul Dikir Laba yang berasal daripada Dikir Maulud atau juga dikenali sebagai “Barzanji”. Di kawasan jajahan Pasir Mas khususnya di Kampung Padang Embun, Dikir Maulud atau “Barzanji” biasanya dipersembahkan dalam majlis sambutan keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. atau Maulidur Rasul. Di Kampung Padang Embun juga, selain majlis sambutan Maulidur Rasul, Dikir Laba juga dipersembahkan ketika mengiringi perarakan pengantin ke upacara berinai. Seterusnya, persembahan Dikir Laba di Kampung Padang Embun juga didapati mempunyai beberapa persamaan dengan “Barzanji”, terutamanya dari segi rentak dan alunan bunyinya. Walau bagaimanapun, dari segi isi kandungan lirik, kebanyakannya lagu Dikir Laba didapati tiada persamaan atau hubung kait dengan lirik “Barzanji”, sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohamad Nadzir dalam petikan berikut:-

Barzanji sebenarnya telah dikenali dan dipersembahkan sejak beberapa lama dahulu lagi. Dari barzanji inilah lahirnya Dikir Laba, yang direka hampir bersamaan dengan barzanji, khasnya dari segi rentak dan alunan bunyinya. Sungguhpun demikian, kebanyakannya senikata Dikir Laba ini tidak dapat diertikan dan tidak pula ada hubungannya dengan lagu barzanji (Mohamad Nadzir, 1976/77: 3).

Projek ilmiah Mohamad Nadzir juga mendapati lirik Dikir Laba yang dikaji juga dipengaruhi oleh lagu-lagu Hindustan, Arab dan Inggeris sebagaimana dalam petikan berikut, “Lagu-lagu yang didikirkan dalam dikir ini bertempohan lagu-lagu Arab, Hindustan, Inggeris dan sedikit lagu Melayu asli (Mohamad Nadzir, 1976/77: 50). Lebih penting lagi terutamanya dalam soal hubungan Dikir Laba dengan Islam ialah kehadiran bomoh dalam persembahannya. Dalam hal ini, Mohamad Nadzir menjelaskan bahawa bomoh dianggap sebagai sumber kekuatan sesuatu kumpulan. Hal ini kerana bomoh dipercayai mampu menaikkan semangat pasukannya, selain boleh melemahkan semangat pasukan lawan. Selain lirik lagunya yang didapati tiada mengandungi kata-kata pujian ke hadrat Allah s.w.t. dan selawat kepada Rasulullah s.a.w., kehadiran serta peranan bomoh dalam persembahan Dikir Laba ini mendorong kesimpulan Mohamad Nadzir bahawa seni persembahan Dikir Laba di Kampung Padang Embun tidak berkaitan dengan agama Islam, sebagaimana yang dirumuskan dalam petikan berikut:-

Walaupun lagu-lagu Dikir Laba sedap didengar, tetapi minat masyarakat terhadap dikir ini, sebagaimana tahun-tahun 1930an, tidaklah berterusan. Lebai-lebai yang turut mengambil bahagian dalam dikir ini kemudiannya mulai menarik diri. Pada pendapat mereka, dikir ini tidak lagi berhubung soal-soal keagamaan sebagaimana pada awalnya, tetapi lebih bercorak hiburan yang tidak menentu yang ditambah pula dengan bentuk-bentuk lagu yang karut-marut (perkataan yang tidak menentu digunakan sebagai seni katanya) (Mohamad Nadzir, 1976/77: 107).

Seterusnya, sorotan ini turut mengenal pasti sebuah tesis peringkat sarjana yang diusahakan oleh Abdul Wahab Bin Abu (seterusnya Abdul Wahab) yang berjudul “Dikir Hadrah Cerminan Masyarakat Melayu Utara” (2003). Tesis Abdul Wahab ini membangkitkan permasalahan tentang minat golongan muda-mudi yang dikatakan semakin berkurangan terhadap Dikir Hadrah. Hal ini dikatakan berpunca daripada persaingan dengan kecanggihan alat komunikasi moden. Dengan permasalahan ini, tesis Abdul Wahab diusahakan bagi mengenal pasti jenis cerminan atau citra masyarakat yang diperlihatkan dalam lirik Dikir Hadrah, selain menilai keistimewaan serta keberkesanannya lirik-lirik tersebut terhadap pencitraan masyarakat. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Abdul Wahab ini meneliti 13 buah lagu Dikir Hadrah yang mengandungi lebih daripada 100 rangkap, yang diklasifikasikan dalam beberapa tema antaranya “Dikir Sembah”, “Dikir Pembuka”, “Dikir Persembahan Pengantin Baru” dan “Dikir Syair Kehidupan”. Dikir Sembah rata-rata dianggap sebagai upacara

menyembah dan mukadimah/pemula bicara/kata aluan pembuka majlis (Abdul Wahab, 2003: 45). Isi Dikir Sembah didapati mengandungi puji-pujian dan penghormatan terhadap raja yang memerintah, dan justeru dipersembahkan di majlis-majlis seperti sambutan kepada para pembesar atau pemerintah (Abdul Wahab, 2003: 30 & 45). Tesis Abdul Wahab ini meneliti dua kumpulan Dikir Hadrah yang bergiat di Daerah Seberang Perai Tengah, iaitu Kumpulan Hadrah Seri Murni dari Kampung Bukit Teh, Bukit Mertajam, dan Kumpulan Hadrah Hj. Abdul Aziz dari Kampung Sungai Semambu, Tanah Liat, Bukit Mertajam. Selain itu ialah sebuah kumpulan yang bergiat di Daerah Kedah Selatan, iaitu Kumpulan Hadrah Pak Ngah dari Kampung Permatang Tiong, Kulim (Abdul Wahab, 2003: 65). Tesis Abdul Wahab ini menjadikan metode penyelidikan analisis teks dan kaedah temubual sebagai kaedah utama dalam memperolehi bahan kajian. Temu bual dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang proses penciptaan lagu dalam usaha memahami mesej perkaitan antara lirik dikir dengan citra masyarakat. Bagi tujuan analisis teks, tesis Abdul Wahab menerapkan pendekatan Sosiologi Sastera yang menilai karya seni atau sastera dari segi fungsinya kepada masyarakat. Tesis Abdul Wahab mendapati bahawa Dikir Hadrah banyak mengalami perubahan, seiring dengan perkembangan semasa. Sejarah dengan perubahan itu, lirik Dikir Hadrah juga didapati peka terhadap perubahan masyarakat yang meliputi aspek Islam, sosioekonomi, sosiopolitik dan kepimpinan serta sosiobudaya, sebagaimana yang disimpulkan dalam petikan yang dikutip di bawah ini:-

Secara keseluruhannya, dapatlah dipastikan bahawa Dikir Hadrah telah digunakan sebagai satu medium bagi memberikan pengajaran yang amat penting dalam masyarakat Melayu. Dikir Hadrah berjaya mencerminkan pemikiran, amalan, kebudayaan dan visi kehidupan masyarakat Melayu yang sebenar (Abdul Wahab Abu, 2003: 149).

Dengan dapatan ini, dapatlah dikatakan bahawa Dikir Hadrah yang dipersembahkan dalam masyarakat Melayu di bahagian utara Semenanjung Malaysia dianggap berkaitan dengan Islam, sebagaimana yang jelas dirumuskan dalam tesis Abdul Wahab seperti di bawah:-

Dikir Hadrah mengandungi ajaran-ajaran dan nasihat yang menjurus kepada prinsip-prinsip Islam. Inti pati Dikir Hadrah yang memperkatakan tentang aspek-aspek keagamaan dalam Islam jelas menunjukkan bahawa dikir ini bertujuan untuk membawa khalayak ke arah aplikasi dan amalan prinsip-prinsip agama suci itu. Masyarakat Melayu yang keseluruhannya beragama Islam mestilah mengambil pengajaran dan bimbingan daripada peringatan-peringatan yang terkandung di dalamnya (Abdul Wahab, 2003: 149).

Adalah jelas bahawa dapatan Abdul Wahab ini berbeza dengan penemuan projek ilmiah oleh Abdul Razak (1976/77) dan Mohamad Nadzir (1976/77) yang mendapati Dikir Pahang di Pahang dan Dikir Laba di Kelantan tidak berkaitan dengan Islam.

Tidak kurang penting apabila sorotan ini menemui dua buah kajian ilmiah yang telah dilakukan di Indonesia terhadap apa yang disebut sebagai Qasidah Al-Burdah. Pertama ialah projek ilmiah (skripsi) yang diajukan oleh Arham bertajuk “Qasidah Burdah Imam Al-Busayri: Suatu Analisis ‘ilm Al-Qawafi” (2013). Tesis Arham ini membangkitkan permasalahan tentang penggunaan kaedah *ilm al-qawafi* khususnya syair Arab moden yang ada pada masa kini. Dengan permasalahan ini, tesis Arham diusahakan bagi mengenal pasti dengan lebih lanjut tentang penggunaan kaedah *ilm al-qawafi* dalam Qasidah Al-Burdah. Tesis Arham menganggap bahawa Qasidah Al-Burdah sebagai puisi yang banyak mengandungi unsur estetik. Selain itu, pengaruh Qasidah Al-Burdah juga dianggap luas kerana telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa. Dalam konteks Indonesia, Qasidah Al-Burdah dikatakan banyak diajar serta diamalkan di pasentren (sekolah pondok). Dengan kepentingan ini, tesis Arham diusahakan bagi menjelaskan bentuk *qafiyah* yang digunakan dalam Qasidah Al-Burdah Imam Al-Busayri (Busiri), selain menganalisis jenis *qafiyah* (huruf, *harakat huruf* dan nama) dalam Qasidah Al-Burdah Iman Al-Busayri. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Arham ini meneliti Qasidah Al-Burdah Imam Al-Busayri dengan memenggal qasidah tersebut sesuai dengan *bahr* yang digunakan, selain mengelompokkan hasil pemenggalan qasidah itu berdasarkan kata *qafiyah* yang digunakan. Selain itu, tesis Arham ini juga menganalisis jenis huruf, *harakat huruf* dan nama *qafiyah* yang digunakan Qasidah Al-Burdah Imam Al-Busayri, sesuai dengan hasil pemenggalan. Akhir sekali, tesis Arham ini menjelaskan serta menghuraikan hasil analisis huruf, *harakat* dan nama *qafiyah* Qasidah Al-Burdah Imam Al-Busayri. Tesis Arham ini menggunakan metode semak dan catat dalam usaha membaca, menyemak, mencatat dan mengumpulkan bahan kajian, iaitu Qasidah Al-Burdah karya Imam Al-Busayri. Bahan kajian ini diklasifikasikan dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan analisis *ilm al-qawafi*. Tesis Arham ini mendapati bahawa bentuk *qafiyah* yang digunakan dalam Qasidah Al-Burdah Imam Al-Busayri adalah *qafiyah* sebahagian kata, *qafiyah* satu kata dan *qafiyah* dua kata. Seterusnya, huruf *qafiyah* yang digunakan dalam Qasidah Al-Burdah Imam Al-Busayri adalah *rawiq mutlaq*, dengan menggunakan huruf *mim* sebagai sebutan dalam syairnya. Selain itu, huruf *qafiyah* lainnya iaitu *al-wasl*. Manakala, harakat huruf *qafiyah* yang digunakan merupakan harakat *al-majra kasrah*, selain nama *qafiyah* yang digunakan adalah *al-mutarakib*. Dengan dapatan-dapatan ini, tesis Arham ini menyarankan supaya Qasidah Al-Burdah Imam Al-Busayri seterusnya dikaji dengan menerapkan apa yang disebut sebagai pendekatan *ilm arud*, dan memberikan fokus terhadap aspek makna serta fungsi qasidah tersebut, sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan di bawah:-

Oleh karena itu penulis menyarankan: 1) mahasiswa jurusan Sastra Asia Barat agar melanjutkan skripsi penelitian ini dengan menggunakan pendekatan *ilm arud*, dan 2) penelitian ini dapat pula dikaji dari aspek makna serta fungsi dari qasidah atau syair tersebut (Arham, 2013: 63).

Kedua ialah tesis sarjana yang diusahakan oleh Ishak Abdul Razak Bakari (seterusnya Ishak) bertajuk “Studi Kritis Terhadap Pemikiran Al-Busiri dalam Kasidah Al-Burdah” (2014). Tesis Ishak ini membangkitkan tentang pentingnya untuk diteliti soal pemikiran Al-Busiri yang tercermin dalam tema-tema syair Al-Burdah yang dianggap bersifat sufistik. Hal ini kerana Al-Busiri dikatakan merupakan penganut tarekat *al-Syadziliyyah*. Sehubungan itu, tesis ini diusahakan bagi mengenal pasti kerangka epistemologi pemikiran Al-Busiri dalam Qasidah Al-Burdah, selain mengetahui pemikiran yang terkandung dalam Qasidah Al-Burdah. Akhir sekali, mengetahui hakikat *hubbu-al-Nabi* (cinta Nabi) dan konsekuensinya sebagaimana yang terkandung dalam Qasidah Al-Burdah Al-Busiri. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Ishak ini menjadikan Syair Al-Burdah karya Al-Busiri sebagai bahan kajian. Syair ini dikatakan mengandungi pujiyan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang disampaikan dalam 160 bait dan 10 fasal. Fasal pertama berupa mukaddimah yang menggambarkan kerinduan penulis terhadap Rasulullah s.a.w. Fasal kedua berunsur nasihat yang membicarakan bahawa buruknya hawa nafsu yang cenderung kepada kejahatan dan perlunya berwaspada. Fasal ketiga berupa pujiyan terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dengan pengharapan kepada syafaat Baginda. Fasal keempat memerihalkan tentang kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Fasal kelima memerihalkan tentang kemukjizatan Nabi Muhammad s.a.w. Fasal keenam memerihalkan tentang Al-Quran sebagai mukjizat terbesar dan bersifat kekal. Fasal ketujuh memerihalkan tentang peristiwa israk dan mikraj Nabi Muhammad s.a.w. Fasal kelapan memerihalkan tentang perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. dalam medan perang. Manakala, dua fasal yang terakhir mengandungi doa dan *tawassul* Al-Busiri dengan Nabi Muhammad s.a.w. (Ishak, 2014: 32). Tesis Ishak ini menjadikan metode kepustakaan (*library research*) sebagai kaedah utama kajiannya. Penelitian terperinci dilakukan terhadap karya-karya asli Al-Busiri, termasuklah hasil nukilan penulis-penulis lain yang berkaitan dengan pemikiran Al-Busiri. Kajian ini mendapat bahawa Al-Busiri merupakan penyair yang bersifat sufistik. Sejarah dengan itu, pemikiran Al-Busiri yang terkandung dalam syair-syair Al-Burdah didapati bernuansa tasawuf, dengan mengutarakan tema-tema seperti taubat, syafaat, zuhud, *khauf* (takut kepada Allah s.w.t.), *raja'* (mengharap reda dan rahmat Allah s.w.t.) dan *mahabbah* (perasaan cinta yang mendalam kepada Allah s.w.t dan juga Nabi Muhammad s.a.w.). Di samping itu, kajian ini turut menganggap bahawa terdapat persepsi yang dianggap tidak rasional terhadap Nabi Muhammad s.a.w., iaitu terciptanya sesuatu adalah kerana asbab Baginda. Selain itu ialah soal adanya pujiyan-pujiyan yang dianggap berlebih-lebihan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Qasidah itu juga didapati menghadirkan dalil-dalil *maudu'* (palsu) dan ada antaranya dianggap bercanggah dengan ajaran Islam (Ishak, 2014: 98). Dengan dapatan-dapatan sedemikian, kajian ini menekankan bahawa rasa kecintaan terhadap Nabi Muhammad s.a.w. harus diiringi dengan keprihatinan terhadap hal-hal yang boleh membahayakan akidah, sebagaimana yang dirumuskannya dalam petikan berikut:-

“....sebagai seorang muslim terutama kaum akademisi senantiasa memperhatikan dan menjaga hal yang termahal dalam hidupnya, yaitu akidah ataupun idiologinya. Sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w. memiliki kehawatiran jangan sampai terjebak kepada hal-hal yang merusak akidahnya, 2) menumbuhkan rasa cinta terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan dibuktikan dengan membenarkan setiap berita yang dibawa, menjalankan perintah dan menjauhi larangannya, 3) bersikap proporsional dalam hal mencintai Nabi Muhammad s.a.w. supaya terhindar dari sifat *quluw* atau kultus individu, serta 4) selalu menjunjung tinggi validitas sebuah riwayat agar tradisi ilmiah masyarakat Islam sejak turun-temurun akan selalu tetap terjaga” (Ishak, 2014: 99).

Selanjutnya, sorotan ini turut menemui sebuah artikel yang ditulis oleh Sakinah Abu Bakar (seterusnya Sakinah) bertajuk “Kelestarian Khazanah Tradisi Islam Qasidah Burdah dalam Masyarakat Setempat: Kajian Kes di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah” (2014). Artikel Sakinah ini antara lain membincangkan tentang Qasidah Al-Burdah yang dikatakan berasal daripada sebuah kisah penyembuhan “mistik” seorang imam yang berasal daripada Tanah Arab. Artikel Sakinah ini turut membincarkan tentang Qasidah Al-Burdah yang dianggap sebagai satu bentuk persembahan atau kesenian yang bercorak keagamaan. Bahagian awal perbincangan Sakinah yang menjelaskan serba sedikit tentang asal usul serta sejarah Al-Burdah dalam tradisi Islam. Menurut Sakinah, perkataan “*burdah*” dalam bahasa Arab merujuk kepada kain tudung yang digunakan oleh kaum wanita bagi menutupi sebahagian besar wajah. Asal-usul Al-Burdah dikaitkan dengan Imam Sharafuddin Abu Abdullah Muhammad Bin Hassan Al-Busiri yang dikatakan mendapat penyakit lumpuh separuh badan. Al-Busiri kemudiannya mengarang 161 bait syair yang mengandungi puji-pujian terhadap junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w., dengan tujuan mendapat keberkatan agar Allah s.w.t. menyembuhkan penyakitnya itu. Berkat keyakinan beliau, Al-Busiri kemudian sembuh daripada penyakit yang dihidapnya. Semenjak itu, Qasidah Al-Burdah Al-Busiri menjadi terkenal dan diamalkan sehingga masyhur ke serata dunia, selain telah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa seperti Parsi, Urdu, Pashto, Punjabi, Melayu, Swahili, selain bahasa-bahasa Eropah seperti Perancis, Jerman, Inggeris dan Itali (Sakinah, 2014: 21). Lebih penting dalam konteks kajian ini ialah apabila artikel Sakinah mengenal pasti sebuah kawasan perkampungan di Kedah yang dikatakan melanjutkan tradisi Al-Burdah. Ini merujuk kepada Kampung Hilir yang terletak di pinggir Pekan Merbok, Kedah iaitu kira-kira 20 kilometer dari Bandar Sungai Petani (Sakinah, 2014: 27). Menurut artikel Sakinah ini, di Kampung Hilir, tradisi Qasidah Al-Burdah diteruskan oleh sekumpulan wanita yang memakai gelaran “*Sautunnisak*” iaitu perkataan dalam bahasa Arab yang bermaksud “suara perempuan”. Kumpulan *Sautunnisak* ini terdiri daripada 12 orang wanita dewasa yang kesemuanya merupakan suri rumah sepenuh masa. Kumpulan *Sautunnisak* sering diundang untuk mempersembahkan Qasidah Al-Burdah dalam pelbagai majlis seperti Maulidur Rasul, cukur jambul, berkhatan dan majlis perkahwinan (Sakinah, 2014: 27). Persembahan Qasidah Al-Burdah yang dipersembahkan Kumpulan *Sautunnisak* ini dikatakan bertujuan memohon keberkatan majlis yang diadakan. Kumpulan *Sautunnisak* menggunakan naskhah Qasidah Al-Burdah karangan Al-Imam Muhammad Bin Said

Al-Busiri yang diterjemahkan oleh Abu Ali Banjari An-Nadwi sebagai teks utama dalam persembahan qasidah mereka. Dengan latar belakang dan sejarah tradisi Qasidah Al-Burdah yang masyhur, kajian Sakinah menyimpulkan bahawa persembahan Qasidah Al-Burdah di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah sebagai manifestasi kelestarian tradisi Islam yang berfungsi sebagai mekanisme sosial, sebagaimana yang diungkapnya dalam petikan yang diturunkan berikut:-

Qasidah Burdah terkenal sebagai sebuah kesenian Islam yang unik kerana nilai keagamaan dan nilai kesusasteraan. Keunikannya lebih menyerlah kerana dipersembahkan dalam bahasa Arab, dilakukan oleh sekumpulan masyarakat yang memahami kebaikan dan kemanfaatannya. Sebagai sebuah kesenian yang muncul daripada tradisi Islam, maka usaha melestarikannya dalam masyarakat sebagai wadah menyatukan masyarakat setempat (Sakinah, 2014: 28).

Lebih menarik lagi, sorotan ini turut menemui dua tulisan atau catatan yang secara khusus membincangkan tentang seni persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Pertama ialah buku bertajuk *Adat Resam Penduduk Sarawak* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Cawangan Sarawak pada tahun 1988. Penerbitan buku diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak bagi pihak Kerajaan Negeri (Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem) sempena perayaan ulang tahun ke-25 penyertaan Sarawak dalam Malaysia. Dalam buku ini, terkandung satu bab bertajuk “Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak” yang ditulis oleh Raslie Saharan. Dalam satu subjudul yang dinamakan “Kesenian”, tulisan Raslie Saharan memperuntukkan hanya satu perenggan untuk mencatatkan serba sedikit tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak. Dalam perenggan ini, tulisan Raslie Saharan menjelaskan bahawa seni persembahan Dikir Al-Burdah sudah menjadi warisan adat resam penduduk di Sarawak. Perenggan ini turut menjelaskan bahawa Dikir Al-Burdah masih dipersembahkan oleh masyarakat Melayu di Bahagian Sri Aman, Sarawak. Lebih menarik lagi, bab ini turut mengaitkan Dikir Al-Burdah dengan Islam. Tidak seperti kajian Abdul Razak (1976/77) dan Mohamad Nadzir (1976/77) di atas, yang menyimpulkan bahawa persembahan Dikir Pahang di Pahang dan Dikir Laba di Kelantan tidak mempunyai kaitan dengan Islam, persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak pula dianggap sebaliknya. Sama seperti Dikir Hadrah yang dianggap oleh Abdul Wahab (2003) berkaitan dengan Islam, Dikir Al-Burdah di Sarawak juga dianggap oleh Raslie Saharan sedemikian. Hal ini jelas apabila tulisan Raslie Saharan mengaitkan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Qasidah Al-Mimiyah yang ditulis oleh seorang ahli tasawuf bernama Al-Busiri (608H-696H). Qasidah ini dikatakan bertujuan untuk memuji Nabi Muhammad s.a.w. Malah, perkataan *burdah* itu sendiri dikatakan merujuk kepada sehelai kain bulu yang dipakai sebagai jubah pada waktu siang dan selimut pada waktu malam pada zaman Jahiliah. Rasulullah s.a.w. dikatakan menghadiah *burdah* Baginda kepada Ka'ab ibn Zuhayr (seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dan juga penyair) kerana menghargai syair beliau bertajuk *Banat Suad*. Syair ini kemudiannya dikenali sebagai Al-Burdah (Raslie Saharan, 1988: 132). Selain itu, tulisan Raslie Saharan ini juga mencatatkan bahawa Dikir Al-Burdah di Sarawak dipersembahkan di majlis-majlis seperti perkahwinan, khatam Al-Quran, berkhatan dan

membuka kampung baharu, dengan tujuan untuk memohon keberkatan Allah s.w.t. (Raslie Saharan, 1988: 132). Seterusnya, tanpa menurunkan sebarang petikan lirik dikir sebagai contoh, tulisan Raslie Saharan menjelaskan seperti dalam petikan berikut, “Zikirnya [dikir] dimulai dan diakhiri dengan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w., diiringi oleh pukulan bertingkah rebana atau gendang yang diperbuat daripada kulit kambing/lembu” (Raslie Saharan, 1988: 132). Berdasarkan catatan di atas, adalah jelas bahawa tulisan Raslie Saharan ini cenderung mengaitkan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam.

Selain tulisan Raslie Saharan (1988), sorotan ini turut mengenal pasti sebuah lagi tulisan yang diusahakan oleh Hj. Muhammad Bukhari Lubis (seterusnya Hj. Muhammad Bukhari) bertajuk “Dendangan Puisi Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak” (1994). Tulisan ini terbit sebagai salah satu bab dalam buku beliau sendiri yang berjudul *Persuratan Islam* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1994. Berbanding tulisan Raslie Saharan (1988) yang lebih berupa catatan ringkas (dalam satu perenggan sahaja) tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak, tulisan Hj. Muhammad Bukhari ini pula dapat dianggap lebih terperinci dan lebih berupa satu pengamatan awal terhadap persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Lebih menarik ialah bahagian awal perbincangan yang menjelaskan serba sedikit tentang asal usul serta sejarah Al-Burdah dalam tradisi Islam. Menurut Hj. Muhammad Bukhari, istilah Al-Burdah merupakan gelaran yang diberikan terhadap puisi oleh Ka'b ibn Zuhair r.a. yang berjudul *Banat Su'ad*. Puisi ini mengandungi pujian serta penghormatan terhadap Rasulullah s.a.w. Walau bagaimanapun, puisi Al-Busiri¹ bertajuk Al-Burdah (*Al-Qasidah Al-Mimiyyah*) dianggap mempelopori genre puisi memuji Rasulullah s.a.w. Daripada puisi Al-Busiri inilah, tradisi Al-Burdah dikatakan berkembang luas setelah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa antaranya Parsi, Urdu, Pashto, Punjabi, Swahili, dan tidak ketinggalan bahasa Melayu (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 127).

Langutan itu, tulisan Hj. Muhammad Bukhari turut mengenal pasti sebuah kawasan perkampungan di Sarawak yang dikatakan melanjutkan tradisi Al-Burdah. Ini merujuk kepada Kampung Sessang yang terletak di Daerah Kecil Kabong, dalam Daerah Kalaka yang berpusat di Pekan Saratok, Bahagian Kedua Sarawak (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 127). Menurut Hj. Muhammad Bukhari, di Kampung Sessang, persembahan Al-Burdah juga disebut sebagai “Zikir Rebana”. Hal ini menurut beliau, mungkin disebabkan oleh persembahannya yang diiringi dengan paluan rebana, sebagaimana yang akan dibincangkan lebih lanjut nanti. Berdasarkan kepada perbincangannya, adalah jelas bahawa tulisan Hj. Muhammad Bukhari ini berusaha untuk memperlihatkan hubungan yang erat antara Al-Burdah dalam tradisi Islam, dengan persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Ini bererti, sama seperti tulisan Raslie Saharan (1988), tulisan Hj. Muhammad Bukhari (1994) turut cenderung mengaitkan seni persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam.

¹ Al-Busairi merupakan seorang ahli sufi yang dilahirkan di Dalas, Mesir pada tahun 608 Hijrah bersamaan 1212 Masih , dan wafat pada tahun 696 Hijrah. Jasad beliau disemadikan di masjid Imam Al-Busairi di Iskandariah, Mesir (Ahmad Lufti Bin Abdul Wahab al Linggi, *Qosidah Al-Burdah Imam Al-Busairi r.a.: Puji-pujian untuk Rasulullah s.a.w.*, Mawleed Publishing, Kajang, Selangor, hlm. 13 dan hlm. 32).

Seterusnya, tulisan Hj. Muhammad Bukhari turut memperkuuhkan lagi kenyataannya dengan perkaitan seni persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam. Hal ini jelas apabila tulisan Hj. Muhammad Bukhari menghadirkan sebaris ayat berikut, “Lagu-lagu Al-Burdah bertemakan puji-pujian terhadap Nabi Muhammad s.a.w.” (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 130). Selain itu ialah maklumat umum tentang lima judul lagu Dikir Al-Burdah yang lazimnya dipersembahkan di Kampung Sessang iaitu “*Muhammadun*”, “*Fa'in nafa*”, “*Yaw nafa*”, “*Malim*” dan “*Astaghfir*” (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 131). Kesemua judul lagu ini dalam bahasa Arab dan mengandungi maksud yang bersifat keislaman. Berdasarkan kepada penjelasan di atas, adalah jelas bahawa Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan di Kampung Sessang, Sarawak diperakukan oleh Hj. Muhammad Bukhari sebagai satu seni persembahan yang bersifat keislaman. Ternyata perakuan ini dikekalkan (*sustained*) oleh Hj. Muhammad Bukhari sepanjang tulisannya apabila bahagian akhir tulisan ini menghadirkan kesimpulan seperti yang dipetik di bawah:-

Sebenarnya kegiatan [Dikir Al-Burdah] yang ada di Sarawak itu jika tidak dijaga ia juga akan pupus. Oleh itu, adalah elok dan wajar jika pihak berwajib di Semenanjung Malaysia mengambil inisiatif dan daya usaha ke arah memperkenalkan semula dan menggiatkan dendangan Al-Burdah. Pada masa yang sama ia [Dikir Al-Burdah] dapat mengambil alih mana-mana kegiatan budaya yang dirasakan tidak berfaedah dan tiada nilainya di sisi agama [Garisan ditambah] (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 132).

Berdasarkan kesimpulan ini terutamanya ayat yang digariskan itu, adalah jelas bahawa pada hennat Hj. Muhammad Bukhari, Dikir Al-Burdah di Sarawak merupakan satu seni persembahan yang bersifat keagamaan, dan justeru dipandang mulia di sisi Islam. Seterusnya, selain perakuan tentang hubungan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam, tulisan Hj. Muhammad Bukhari turut memperincikan tentang tata cara persembahannya itu. Ini termasuk aspek formasi atau kedudukan para penyanyi yang lazimnya akan duduk berbaris dalam tiga barisan, dengan tujuh orang dalam setiap baris. Ini bererti, Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang ini lazimnya dipersembahkan oleh seramai 21 orang (iaitu tujuh orang yang didarab kepada tiga baris). Kumpulan ini diketuai oleh seorang yang digelar “Khalifah” yang posisinya ialah di tengah-tengah barisan hadapan. Walau bagaimanapun, Hj. Muhammad Bukhari menjelaskan bahawa dalam keadaan tertentu, Dikir Al-Burdah boleh juga dipersembahkan secara berdiri atau berjalan, dengan jumlah penyanyi yang lebih besar, iaitu seramai antara 20 hingga 50 orang (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 129).

Lanjutan itu ialah soal tata cara pukulan gendang atau rebana, yang merupakan satunya alat muzik yang dimainkan bagi mengiringi persembahan. Dengan itu, tidak hairanlah jika di Kampung Sessang, persembahan Dikir Al-Burdah juga disebut sebagai “Zikir Rebana”, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya. Dari segi bentuk alat, badan rebana atau disebut sebagai “baluh” atau “aran”, dijelaskan berbentuk bulat dengan saiz lingkungan yang besar di bahagian atas dan kecil di

bahagian bawah. “Baluh” diperbuatkan daripada kayu daripada beberapa jenis, antaranya kempas, menggeris atau merbau. Bahagian atas “baluh” iaitu bahagian lingkungan yang besar akan ditutupi dengan belulang atau kulit binatang seperti kambing, kijang atau lembu, yang telah dicuci serta dijemur sehingga kering. Belulang ini diregangkan menjadi bahagian permukaan atas “baluh” dan diikat dengan menggunakan lingkaran rotan. Bahagian belulang yang akan dipalu oleh pemain muzik bagi menghasilkan bunyi. Bunyi yang terhasil daripada pukulan rebana ini boleh diperhalusi kepada beberapa laras bunyi, dengan cara mengubah kadar kesendatan lingkaran rotan dalam bahagian dalam “baluh” (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 131). Seterusnya, dari segi paluan pula, terdapat lima peringkat paluan rebana yang masing-masing ada namanya yang tersendiri. Antaranya, pukulan adi (secara perlahan), pukulan agak tepat, pukulan jeringan, pukulan jeringan tepat, dan pukulan menurun dan mati (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 129). Selain itu, terdapat juga jenis-jenis paluan rebana, yang antaranya dibezakan daripada nama-nama seperti pukulan induk, pukulan tingkah dua, pukulan tingkah tiga, pukulan tingkah empat, pukulan tingkah putus, pukulan gerijam putus, pukulan gerinjam senak, pukulan darak, pukulan nyatu dan pukulan nyelit (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 131). Dari segi kaedah latihan, Hj. Muhammad Bukhari menjelaskan bahawa ahli kumpulan Dikir Al-Burdah diajar tentang kemahiran paluan rebana secara berasingan, daripada kemahiran mengalunkan rentak lagu. Setelah kedua-dua kemahiran itu dikuasai, barulah ahli kumpulan berlatih mengalunkan rentak lagu, dengan diiringi paluan rebana secara serentak (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 132).

Dapat dikatakan bahawa, selain tulisan Raslie Saharan (1988), tulisan Hj. Muhammad Bukhari (1994) ini juga merupakan antara tulisan ilmiah yang awal mencatatkan tentang kegiatan persesembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Pengamatan ini mendapati bahawa tulisan Hj. Muhammad Bukhari ini lebih cenderung dalam memperincikan tentang tata cara persesembahan, termasuk formasi atau kedudukan serta jumlah mereka yang terlibat, dan alat muzik yang digunakan termasuk peringkat serta jenis pukulan rebana, sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Sehubungan itu, adalah jelas bahawa tulisan ini terbit sebagai “satu pengamatan awal” (*a preliminary observation*) terhadap kegiatan seni persesembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak.

Seterusnya, dan lebih penting lagi untuk kajian ini ialah perakuan kedua-dua tulisan di atas iaitu tulisan Raslie Saharan (1988) dan Hj. Muhammad Bukhari (1994) tentang hubungan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam, sebagaimana yang telah pun dinyatakan di atas. Dengan kata lain, Dikir Al-Burdah di Sarawak diperakukan sebagai satu seni persembahan yang bersifat keagamaan. Akan tetapi, sorotan kajian ini mendapati bahawa sesuai dengan kedudukan kedua-dua tulisan di atas yang bersifat “satu pengamatan awal”, perakuan penting tersebut (iaitu, tentang keislaman Dikir Al-Burdah di Sarawak) ini tidak pula disokong dengan analisis yang sistematis, khususnya terhadap isi kandungan lirik dikir yang didendangkan itu. Perakuan tentang kaitan lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam dalam tulisan Raslie Saharan (1988) hanya diungkapkan dalam satu kenyataan seperti dalam petikan berikut, “Zikir [dikir] dimulai dan diakhiri dengan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. ...” (Raslie Saharan, 1988: 132). Kenyataan di atas jelas tidak disokong bukan sahaja dengan analisis yang

sistematik, malah tiada sebarang contoh pun yang dipetik daripada lirik Dikir Al-Burdah yang didendangkan di Sarawak. Manakala, tulisan Hj. Muhammad Bukhari (1994) pula hanya menjelaskan secara umum, iaitu sebaris ayat yang menyebut tentang tema-tema lagu Dikir Al-Burdah yang dikatakan berlegar tentang puji-pujian terhadap Rasulullah s.a.w., sebagaimana yang dicatatkan seperti dalam petikan berikut, “Lagu-lagu Al-Burdah bertemakan puji-pujian terhadap Nabi Muhammad s.a.w.” (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 130). Kenyataan ini juga tidak disokong dengan analisis yang sistematik terhadap lirik Dikir Al-Burdah, termasuk menurunkan contoh-contoh yang sesuai.

Adalah jelas bahawa pernyataan dan maklumat yang diberikan dalam kedua-dua tulisan di atas, adalah bersifat umum dan sepintas lalu (*brief and cursory*), kerana tidak didukung oleh analisis yang sistematik, atau sekurang-kurangnya pengamatan yang khusus terhadap lirik Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan di Sarawak. Hal ini dengan sendirinya menyerlahkan adanya satu lompong ilmiah (*academic gap*) yang jelas, iaitu tiadanya kajian ilmiah yang secara khusus menganalisis lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak. Lompong ini dengan sendirinya menuntut kepada perlunya satu kajian ilmiah mengenainya. Hal ini akan dibahaskan secara lebih lanjut dalam bahagian Permasalahan Kajian nanti. Pada tahap ini, memadai dijelaskan bahawa perakuan dalam tulisan Raslie Saharan (1988) dan tulisan Hj. Muhammad Bukhari (1994) tentang keislaman persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak, mengundang satu kajian ilmiah yang sistematik terhadap lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak.

1.3 Permasalahan Kajian

Sesungguhnya, sorotan terhadap korpus penyelidikan ilmiah tentang seni persembahan dikir di Malaysia yang dilakukan di atas, melakarkan beberapa pemahaman penting yang dapat diajukan sebagai satu permasalahan untuk kajian ini. Berikut adalah rumusan terhadap lompong kajian yang dikenal pasti daripada pengamatan terhadap korpus penyelidikan ilmiah di atas.

Pertama, korpus penyelidikan ilmiah tentang seni persembahan dikir di Malaysia yang masih belum komprehensif. Sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, terdapat beberapa tulisan yang secara umum membicarakan tentang persembahan dikir di Malaysia, khususnya dalam konteks kesusastraan dan kebudayaan, sebagaimana yang telah diusahakan oleh Abdul Halim Ali (2006), Harun Mat Piah (1989) dan Mohd. Taib Osman (1979). Merujuk kepada tesis serta projek ilmiah pula, persembahan dikir di beberapa negeri di Malaysia antara telah diberikan tumpuan dalam tesis sarjana oleh Abdul Wahab (2003), projek ilmiah oleh Abdul Razak (1976/77), dan projek ilmiah oleh Mohamad Nadzir (1976/77). Berdasarkan tulisan serta kajian sedia ada ini, dapat dirumuskan bahawa kajian-kajian ilmiah tentang seni persembahan dikir di Malaysia masih belum begitu luas. Apa yang jelas kajian-kajian ini meliputi beberapa jenis seni persembahan dikir sahaja seperti Dikir Pahang di Pahang, Dikir Laba di Kelantan dan Dikir Hadrah di Utara Semenanjung Malaysia, dan hanya tertumpu pada bahan-bahan

yang secara relatifnya juga masih kecil cakupannya. Begitu juga tulisan-tulisan tentang dikir yang disoroti yang lebih berupa tulisan-tulisan yang dimuatkan dalam bahagian (*sections*) atau bab dalam penerbitan mengenai kesusasteraan atau kebudayaan. Hakikat ini dengan sendirinya mewajarkan kehadiran lebih banyak kajian ilmiah tentang seni persembahan dikir di Malaysia, seperti yang akan diusahakan oleh kajian ini.

Kedua, dan masih dalam konteks keterbatasan korpus penyelidikan ilmiah, sorotan kajian di atas turut mengenal pasti tiga kajian ilmiah yang meneliti tentang Qasidah Al-Burdah. Dua daripadanya diusahakan di Indonesia. Pertama ialah projek ilmiah tahun akhir (atau di Indonesia disebut “skripsi”) oleh Arham (2013), dan satu lagi ialah tesis master oleh Ishak Abdul Razak Bakari (2014). Selain itu ialah satu artikel ilmiah yang diusahakan oleh Sakinah Abu Bakar (2014) yang meneliti tentang tradisi Qasidah Al-Burdah dalam masyarakat di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah. Lebih mengundang perhatian lanjut ialah dua tulisan yang lebih mirip kepada catatan penyelidikan, iaitu tulisan Raslie Saharan bertajuk “Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak” (1988) dan tulisan Hj. Muhammad Bukhari bertajuk “Dendangan Puisi Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak” (1994). Apa yang menarik ialah kedua-dua tulisan ini mengetengahkan satu seni persembahan dikir yang dikatakan masih diamalkan di Sarawak, iaitu Dikir Al-Burdah. Walau bagaimanapun, sesuai dengan penerbitannya yang lebih merupakan satu catatan penyelidikan dan pengamatan awal, kedua-dua tulisan ini lebih tertumpu pada aspek sejarah serta asal usul, dan tata cara persembahan, sebagaimana yang telah pun dibincangkan di atas. Kedua-dua tulisan ini tidak memberikan tumpuan terhadap analisis isi kandungan lirik yang dinyanyikan dalam persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam sorotan di atas. Hal ini dengan sendirinya mengundang satu kajian ilmiah yang memberikan fokus terhadap isi kandungan lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak. Kajian ini penting untuk diusahakan bagi memperluaskan lagi “ufuk penyelidikan” (*the horizon of research*) tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak, dan pada masa yang sama berupaya mengesahkan atau memperkuuhkan kesimpulan dalam tulisan Raslie Saharan (1988) dan tulisan Hj. Muhammad Bukhari (1994). Dalam konteks inilah, kajian ini difikirkan wajar memberikan fokus terhadap isi kandungan lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak. Seiring dengan fokus ini juga, penting bagi kajian ini menyediakan satu dokumentasi lirik yang didendangkan dalam persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Dokumentasi lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak yang dikaji, akan dikepilkhan sebagai Lampiran yang dikepilkhan pada bahagian akhir tesis ini. Usaha ini penting kerana sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak belum lagi didokumentasi, atau diterbitkan sama ada dalam bentuk teks atau rakaman audio visual yang boleh diakses bagi tujuan ilmiah dan kesarjanaan. Oleh itu, dokumentasi lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak ini dapat dianggap sebagai satu usaha rintis yang penting, khususnya untuk manfaat kajian-kajian ilmiah yang selanjutnya.

Ketiga, dan tidak kurang penting dalam usaha memperkayakan korpus penyelidikan sedia ada ialah lokasi atau lapangan di Sarawak yang sehingga kini masih mempersebahkan Dikir Al-Burdah. Tulisan Raslie Saharan (1988) misalnya menjelaskan secara umum bahawa Dikir Al-Burdah masih diamalkan di Bahagian Sri

Aman, Sarawak sebagaimana dalam petikan berikut, “Zikir Burdah merupakan satu lagi kesenian lama yang masih diamal dan masih kedapatan di Bahagian Sri Aman (Raslie Saharan, 1988: 132). Berdasarkan maklumat awal yang diperolehi oleh pengkaji sendiri yang memang merupakan anak jati negeri Sarawak, dapat dikatakan bahawa Bahagian Sri Aman yang disebut dalam tulisan Raslie Saharan (1988), antaranya secara khusus merujuk kepada Kampung Hulu, yang terletak di Daerah Sri Aman. Berdasarkan kepada tinjauan awal yang dilakukan oleh pengkaji, Kampung Hulu, Sri Aman didapati masih meneruskan seni persembahan Dikir Al-Burdah. Hal ini mengundang kajian ini untuk memberikan tumpuan terhadap kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Daerah Sri Aman, Bahagian Sri Aman, Sarawak (seterusnya Kampung Hulu).

Keempat dan terakhir ialah soal pengaruh Islam yang secara umum telah dikaitkan dengan seni persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Perkaitan ini terkandung dalam dua tulisan sedia ada tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak, iaitu tulisan Raslie Saharan (1988) dan tulisan Hj. Muhammad Bukhari (1994). Seperti yang telah dinyatakan, kaitan lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam dalam tulisan Raslie Saharan (1988) hanya diungkapkan dalam satu kenyataan seperti dalam petikan berikut, “Zikir [dikir] dimulai dan diakhiri dengan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. ...” (Raslie Saharan, 1988: 132). Manakala, tulisan Hj. Muhammad Bukhari (1994) pula hanya menjelaskan secara umum, iaitu sebaris ayat yang menyebut tentang tema-tema lagu Dikir Al-Burdah yang dikatakan berlegar tentang puji-pujian terhadap Rasulullah s.a.w., sebagaimana yang dicatatkan seperti dalam petikan berikut, “Lagu-lagu Al-Burdah bertemakan puji-pujian terhadap Nabi Muhammad s.a.w.” (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 130). Adalah jelas bahawa kedua-dua tulisan di atas memperakukan perkaitan lirik yang didendangkan dalam persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam. Akan tetapi, seperti yang telah dijelaskan lebih awal, kedua-dua tulisan ini tidak menganalisis secara sistematik lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak. Ini bererti, perakuan tentang perkaitan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam, dalam kedua-dua tulisan tersebut diutarakan tanpa analisis yang sistematik terhadap isi kandungan lirik dikir itu sendiri. Dengan kata lain, soal lagu-lagu yang didendangkan dalam persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam, sehingga kini masih merupakan satu “fakta” yang belum lagi diuji keesahannya secara ilmiah. Soal hubungan antara lagu Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam ini penting untuk diberikan perhatian kerana terdapat beberapa persembahan dikir yang sebelumnya ditanggapi secara umum sebagai satu seni persembahan yang bersifat keagamaan, tetapi kemudiannya dibuktikan secara ilmiah tidak mempunyai kaitan dengan Islam. Hal ini telah dibuktikan oleh kajian ilmiah Abdul Razak (1976/1977) tentang Dikir Pahang di Pahang dan projek ilmiah Mohamad Nadzir (1976/1977) tentang Dikir Laba di Kelantan, seperti yang telah disoroti di atas. Dengan mengambil kira kepentingan inilah, penting untuk kajian ini menganalisis tema lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak, dan seterusnya merumuskan soal perkaitannya dengan Islam.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan yang dihujahkan di atas, kajian ini distrukturkan bagi mencapai tiga objektif berikut, iaitu 1) mengenal pasti tema yang terdapat dalam lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji, 2) menganalisis tema-tema keislaman berdasarkan lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji, dan 3) merumuskan tema-tema keislaman berdasarkan lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji.

1.5 Batasan Kajian

Dari segi lokasi/lapangan, kajian ini terbatas pada Kampung Hulu, Daerah Sri Aman, Bahagian Sri Aman. Lokasi/lapangan ini dikenal pasti sebagai kampung di Sarawak yang didapati masih aktif mempersembahkan Dikir Al-Burdah. Pengenalpastian serta pemilihan lokasi tersebut, antaranya didasarkan maklumat-maklumat awal yang diperolehi daripada tulisan Raslie Saharan (1988) yang hanya menyebut secara sepintas lalu tentang kegiatan Dikir Al-Burdah di Sri Aman, Sarawak. Penjelasan lanjut tentang Kampung Hulu, Sri Aman sebagai lokasi/lapangan kajian akan dilakukan secara lebih terperinci dalam Bab 2 kajian ini nanti.

Dari segi kumpulan sasaran pula, kajian ini terbatas pada kegiatan seni persembahan Dikir Al-Burdah oleh Persatuan Sinar Budaya di Kampung Hulu, Sri Aman. Seterusnya, melalui kumpulan sasaran ini, kajian ini turut mengenal pasti seorang informan yang dapat membantu dalam memperolehi bahan kajian, iaitu Radiah Binti Haji Mohd. Tahir (ataupun dikenali dengan Ayu Radiah), pengasas dan pengurus Persatuan Sinar Budaya, di Kampung Hulu, Sri Aman. Penjelasan lanjut tentang kumpulan sasaran dan informan, termasuk tata cara pemerolehan maklumat dan bahan kajian akan dilakukan secara lebih terperinci dalam Bab 2. Manakala, Bab 3 pula akan membincangkan secara khusus maklumat berkaitan kegiatan Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan di lokasi/lapangan yang dikaji.

Dari segi bahan kajian pula, kajian ini meneliti sebanyak 24 buah lirik dikir yang diperolehi daripada informan Ayu Radiah. Lirik dikir ini diperolehi dalam bentuk salinan fotokopi yang berasal daripada versi bercetak (*printed version*) yang berada dalam simpanan informan. Versi lirik dikir ini dijadikan sebagai rujukan oleh anggota kumpulan sasaran. Dengan keizinan informan, salinan fotokopi lirik Dikir Al-Burdah didokumentasikan dalam tesis ini sebagai Lampiran A.

1.6 Metodologi

Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif, khususnya pengamatan, metode wawancara, dan metode analisis isi kandungan (*content analysis*). Pendekatan ini dipilih berdasarkan potensi serta kesesuaianya dalam merealisasikan keempat-empat objektif kajian yang dinyatakan di atas, dan sekali gus merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan. Metode pengamatan diguna pakai bagi membolehkan kajian ini untuk memberikan gambaran yang jelas tentang seni persembahan Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan di kedua-dua kampung yang dikaji. Metode wawancara pula diguna pakai bagi mendapatkan akses terhadap bahan kajian, iaitu lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji. Manakala, metode analisis isi kandungan diguna pakai bagi menganalisis lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji. Penggunaan metode analisis isi kandungan ini pula menuntut kajian ini untuk menerapkan satu kerangka analisis tertentu. Dalam konteks ini, kajian ini memilih Formalisme sebagai kerangka analisis bagi menganalisis lirik lagu Dikir Al-Burdah yang dikaji. Pemilihan Formalisme ini diasaskan kepada teras pendekatan ini yang memperakukan kesignifikanan aspek-aspek dalam teks yang dikaji. Dengan menerapkan metode-metode di atas, kajian berhasil menggariskan secara jelas tata cara atau prosedur kajiannya yang melibatkan tahap yang dibincangkan lebih lanjut nanti.

1.7 Takrifan Operasional

Bahagian ini akan menjelaskan serba sedikit takrifan terhadap beberapa istilah kunci yang mengisi judul kajian ini. Takrifan ini pula dijadikan sebagai petunjuk dalam melaksanakan kajian.

1.7.1 “Tema”

Antara istilah yang penting untuk dijelaskan ialah aspek “tema”. Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, kajian ini memilih Formalisme sebagai kerangka untuk menganalisis bahan kajian. Perbincangan lanjut tentang Formalisme akan dilakukan dalam bab yang selanjutnya (Bab 2). Pada tahap ini, memadai untuk dijelaskan bahawa sebagai kerangka analisis, Formalisme dalam kajian ini akan dimanfaatkan sebagai kerangka untuk menganalisis lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji. Pemanfaatan ini antaranya mengambil kira kelebihan Formalisme yang secara prinsipnya menganggap bahawa teks sastera ditunjangi oleh aspek-aspek dalam teks. Antara aspek dalam teks yang dianggap penting ialah aspek “tema” kerana merangkumkan maksud atau makna yang terkandung dalam sesebuah teks. Dengan kepentingan ini, bahagian seterusnya akan membincangkan tentang pengertian “tema” yang akan dijadikan sebagai takrifan operasional kajian ini. Untuk itu, perbincangan ini akan memanfaatkan takrifan serta pandangan beberapa sarjana, pengkritik dan sasterawan dalam tradisi kesusteraan Barat dan Melayu. Perbincangan ini pada akhirnya diharap dapat melakarkan pengertian tertentu dan jelas untuk kemudiannya dijadikan sebagai takrifan operasional bagi menganalisis lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji.

Perbincangan ini dimulakan dengan meneliti pengertian “tema” dalam konteks tradisi kesusasteraan Barat. Di Barat, “tema” rata-rata difahami sebagai idea utama yang mengisi sesebuah teks sastera. Pemahaman ini jelas apabila Quinn, E. (2000) mentakrifkan “tema” sebagai idea penting dalam sesebuah teks sastera yang menjadi dasar pemusat cerita atau peristiwa, sebagaimana yang dijelaskannya:-

A significant idea in a literary text, sometimes used interchangeably with motif. Theme is also used to describe a recurring idea in a number of texts (Quinn, E., 2000: 323).

Pengertian yang sama turut dijelaskan Strouf, Judie L.H. (1998) yang mentakrifkan “tema” sebagai idea utama dalam sesebuah teks sastera. Idea utama ini juga dianggap menjadi judul subjek yang mengisi sesebuah teks sastera, sebagaimana yang dijelaskannya, “...the theme is main idea in a piece of literature, topic of subject” (Strouf, Judie L.H., 1998: 12). Begitu juga Hastings, J. yang mendefinisikan “tema” sebagai idea utama atau idea yang mendominasi sesebuah teks sastera, sebagaimana yang dijelaskan olehnya dalam petikan berikut, “The central or dominating idea, thesis or meaning of work. Usually, the theme of any given work can be stated quite simply” (Hastings, J., 2002: 405).

Kajian ini mendapati bahawa pemahaman yang sama turut mewarnai kesusasteraan Melayu. Ini jelas apabila A. Bakar Hamid, seorang sarjana sastera Melayu mentakrifkan “tema” sebagai makna keseluruhan yang mendasari sesebuah teks sastera, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut, “...tema sesebuah puisi itu adalah terdiri daripada keseluruhan maksud puisi itu” (A. Bakar Hamid, 1968: 5). Begitu juga Mana Sikana (1988: 123) yang mentakrifkan “tema” sebagai persoalan pokok atau persoalan utama yang membawa pengertian penting dalam sesebuah teks sastera, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut, “Tema adalah pusat penceritaan. Tema juga jawapan kepada aspirasi dan hasrat si pengarang. Kadang-kadang tema muncul secara jelas, tetapi ada masanya ia tersembunyi” (Mana Sikana, 1988: 123).

Manakala, M. Saleh Saad sebagaimana yang dipetik oleh Lukman Ali (1967: 118), mentakrifkan “tema” sebagai idea yang memandu penghasilan sesebuah teks sastera. M. Saleh Saad menjelaskan bahawa sebuah teks sastera yang baik itu dipandu oleh idea yang terkawal, yang kemudiannya membentuk “tema” sesebuah teks sastera, sebagaimana yang dijelaskan oleh M. Saleh Saad dalam petikan berikut:-

Tema adalah sesuatu yang menjadi fikiran, sesuatu yang menjadi persoalan bagi pengarang. Di dalamnya terbayang pandangan hidup atau cita-cita pengarang; bagaimana ia melihat persoalan itu. Persoalan ialah yang dihidangkan pengarang, kadang-kadang atau seiring juga pemecahannya sekali gus. Pemecahan inilah yang diistilahkan dengan amanat. Jadi, sesungguhnya ada sesuatu yang hendak dikatakan pengarang, baik positif ataupun negatif, bukan hanya sentimen alitas belaka (Lukman Ali, 1967: 118).

Begitu juga Hashim Awang yang menjelaskan “tema” sebagai apa yang digagaskan, difikirkan serta dipersoalkan oleh penulis melalui teks sastera, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut, “...tema adalah gagasan, fikiran atau persoalan utama yang mendasari sesebuah karya sastera...” (Hashim Awang, 1987: 92).

Berdasarkan kepada takrifan yang diutarakan oleh sarjana, pengkritik sastera dan sasterawan dalam sastera Barat dan Melayu di atas, dirumuskan bahawa aspek “tema” merujuk kepada idea pokok yang menunjangi sesebuah teks sastera. Dalam kajian ini, oleh kerana genre yang dianalisis ialah lirik, maka pengenalpastian “tema” atau idea pokok dalam lirik dikir yang dianalisis, dilakukan dengan meneliti pemilihan perkataan atau ungkapan yang mengisi ayat, baris serta rangka dalam lirik dikir yang dianalisis. Penelitian ini menjuruskan kepada pengertian atau maksud yang timbul, hasil daripada penggunaan perkataan atau ungkapan yang dipilih. Bagi mengenal pasti perkaitan antara lirik dengan Islam, pengertian serta maksud yang dikenal pasti itu akan diseajarkan dengan maksud daripada ayat Al-Quran dan Al-Hadis, yang kedua-duanya merupakan sumber yang dianggap berautoriti menurut Islam. Pengertian inilah yang dijadikan sebagai takrifan operasioal dalam menganalisis lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji.

1.7.2 Dikir Al-Burdah

Seterusnya ialah istilah Dikir Al-Burdah. Istilah ini merangkumkan dua perkataan iaitu “dikir” dan “Al-Burdah”. Merujuk kepada perkataan “dikir”, Abdul Halim Ali (seterusnya Abdul Halim) menjelaskan bahawa dalam bahasa Melayu, perkataan “dikir” berasal daripada bahasa Arab iaitu *zikr* yang bermaksud “mengingati Allah s.w.t.”. Selain “dikir”, ada juga masyarakat Melayu yang menyebutnya sebagai “jikir” atau “jike”. Walau apapun sebutannya, Abdul Halim menjelaskan bahawa perkataan “dikir” dalam bahasa Melayu rata-rata difahami sebagai puji-pujian ke hadrat Allah s.w.t. dan Rasul-Nya yang diungkapkan dalam bentuk pantun atau syair, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan di bawah:-

Sebuah lagi puisi yang terkelompok dalam puisi tumpang [merujuk kepada puisi Melayu tradisional yang tidak mempunyai bentuk khusus, sebaliknya menumpang bentuk puisi lain] ialah zikir atau dikir. Puisi ini asalnya ialah ungkapan-ungkapan puji-pujian kepada Allah dan Rasul-Nya dan ditampilkan dalam bentuk pantun atau syair. Ini bermakna zikir atau dikir ini menumpang bentuk pada bentuk pantun dan syair (Abdul Halim, 2006: 122).

Seterusnya, Harun Mat Piah (seterusnya Harun) turut menjelaskan tentang “dikir” yang menurutnya merupakan sejenis persembahan atau kegiatan seni yang mengungkapkan puji-pujian ke hadrat Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Puji-pujian ini diungkapkan dengan cara menyanyikannya dengan alunan irama tertentu, selain turut diiringi dengan bunyi-bunyian serta gerak laku tertentu, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan di bawah:-

[Z]ikir atau dikir...telah berkembang [dalam masyarakat Melayu] menjadi suatu bentuk persembahan atau permainan kesenian..., dengan fungsi yang penting dalam kehidupan masyarakat. Dalam kegiatan-kegiatan ini, ungkapan-ungkapan puitis memuji Tuhan dan Rasul itu telah dinyanyikan dalam lagu dan irama yang tertentu, diiringi dengan bunyi-bunyian serta gerak-gerak fizikal seperti bergerak, berjalan, melompat atau menari (Harun Mat Piah, 1989: 527).

Dalam tulisannya lebih awal yang berjudul “Fungsi dan Penyebaran Permainan Kesenian Melayu di Malaysia” (1980), Harun Mat Piah terlebih dahulu menjelaskan pengertian “dikir” yang juga merujuk kepada suatu bentuk permainan atau kesenian pada asalnya berunsur keagamaan, tetapi kemudiannya berkembang menjadi persembahan berunsur hiburan, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:-

Permainan jenis ini lebih banyak unsur-unsur agamanya, walaupun dalam beberapa hal, atau dalam bentuknya yang awal ada hubungannya dengan ritual dan yang kemudian berfungsi juga sebagai hiburan (Harun Mat Piah, 1980: 25).

Turut memberikan penjelasan ialah Mohd. Taib Osman (1980) yang menjelaskan bahawa berdikir merupakan suatu bentuk persembahan atau permainan kesenian yang mengandungi ungkapan puitis memuji Rasulullah s.a.w. yang diucapkan dengan paluan rebana, serta adakalanya melibatkan ayunan tubuh, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan di bawah:-

The common name Dikir, which consists of verses praising the Holy Prophet Muhammad, is accompanied by the beating of the rebana. There may or may not be a dance (Mohd. Taib Osman, 1979: 101-102).

Dengan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa perkataan “dikir” dalam bahasa Melayu pada asasnya merujuk kepada puji-pujian ke hadrat Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Pengertian ini nampak sejajar dengan maksud Al-Burdah yang rata-rata merujuk kepada puisi-puisi yang bersifat keislaman serta mengandungi puji-pujian terhadap Rasulullah s.a.w. Maksud ini, antaranya disandarkan kepada penjelasan Hj. Muhammad Bukhari Lubis (1994) yang menjelaskan Al-Burdah sebagai puisi yang mengandungi puji-pujian terhadap Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut, “Al-Burdah ialah nama yang diberikan kepada puisi Ka'b ibn Zuhair r.a., yang asalnya berjudul *Banat Su'ad*. Ia penuh dengan pujian dan penghormatan kepada Rasulullah s.a.w.” (Hj. Muhammad Bukhari, 1994: 127).

Seiring dengan pemahaman ini, Raslie Saharan (1988) juga menjelaskan bahawa Al-Burdah merupakan puisi yang bertujuan memuji Rasulullah s.a.w., sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut:-

Zikir [Al-]Burdah itu merupakan bentuk persembahan berdasarkan *Qasidah Al Mimiyah* yang ditulis oleh penyair Sufi Al-Busiri (608H-696H), yang tujuannya ialah untuk memuji Nabi Muhammad s.a.w. (Raslie Saharan, 1988: 132).

Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa penjelasan kedua-dua pengkaji di atas tentang Al-Burdah tidak bercanggah dengan huraian Ahmad Lutfi Bin Abdul Wahab Al-Lingga (seterusnya Ahmad Lutfi) dalam buku bertajuk *Qosidah Al-Burdah Imam Al-Busairi r.a: Puji-pujian untuk Rasulullah s.a.w.* (2009). Adalah menarik untuk dijelaskan bahawa Ahmad Lutfi merupakan seorang pengamal “Qosidah Al-Burdah Imam Al-Busairi” yang mewarisinya daripada gurunya yang bernama Syeikh Muhammad Fuad Bin Kamaludin Al-Maliki. Buku ini diusahakan oleh Ahmad Lutfi untuk mengumpulkan serta menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu *Qosidah Al-Burdah*. *Qosidah* (sering disebut dan dieja dalam bahasa Melayu sebagai “kasidah”) ini dikarang oleh Imam Al-Busairi, iaitu seorang ulama’ tasawuf yang lahir di Mesir pada awal bulan Syawal tahun 608 Hijrah bersamaan tahun 1212 Masihi (Ahmad Lutfi, 2009: 13). Meskipun tidak memberikan takrifan secara spesifik, namun berdasarkan kepada huraianya, adalah jelas bahawa Al-Burdah merujuk kepada puji-pujian untuk Rasulullah s.a.w. Umpamanya, Ahmad Lutfi ketika mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. atas penerbitan buku ini telah menulis seperti di bawah:-

Alhamdulillah, dengan taufiq dan inayah Allah Yang Maha Agung lagi Maha Besar lagi Maha Tinggi Darjat-Nya, buku yang bertajuk Qosidah Burdah Al-Busairi r.h., telah dapat saya keluarkan untuk tatapan para pemuji dan pencinta Rasulullah s.a.w. yang terunggul lagi istimewa [Garisan ditambah] (Ahmad Lutfi, 2009: 6).

Pada halaman lain pula, beliau menulis seperti berikut, “Memuji Rasulullah s.a.w. adalah satu tuntutan yang terpuji” (Ahmad Lutfi, 2009: 9). Beliau turut menurunkan pandangan Al ‘Allamah Syeikh Yusof Isma’il Al-Nabhani, seorang penghimpun selawat nabi yang dipetiknya sebagai berkata, “Jalan beramat yang paling mudah di zaman ini ialah dengan menyebut dan memuji Rasulullah s.a.w.” (Ahmad Lutfi, 2009: 9). Berdasarkan kepada huraian-huraian di atas, sukar untuk disangkal bahawa apa yang dimaksudkan oleh Ahmad Lutfi sebagai Al-Burdah ialah puji-pujian untuk Rasulullah s.a.w., sebagaimana yang tertera pada judul bukunya itu sendiri iaitu *Qosidah Al-Burdah Imam Al-Busairi r.a.: Puji-pujian untuk Rasulullah s.a.w.* (2009).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dijelaskan bahawa Dikir Al-Burdah khususnya dalam konteks masyarakat Melayu di Sarawak (iaitu negeri yang masih mengamalkannya), secara amnya merujuk kepada puisi-puisi yang memuji Allah s.w.t. dan Rasul-Nya, yang didendangkan dengan alunan irama tertentu, selain turut diiringi dengan bunyi-bunyian serta gerak fizikal yang tertentu. Pengertian inilah yang dijadikan sebagai takrifan operasional dalam mengenal pasti lirik Dikir Al-Burdah yang akan dikaji.

1.8 Organisasi Dan Pembahagian Bab

Tesis ini dibahagikan kepada lima bab yang pada dasarnya mengambil kira tuntutan-tuntutan asas dalam penulisan ilmiah. Sebagaimana yang telah dibincangkan, Bab 1 diperuntukkan untuk menyoroti kajian-kajian ilmiah sedia ada yang dimanfaatkan bagi membangkitkan permasalahan kajian, dan seterusnya menggariskan objektif-objektif kajian. Bab ini juga dimanfaatkan bagi memberikan pengenalan ringkas serta justifikasi berkaitan bahan kajian dan metodologi. Selain itu, bab ini turut melakarkan definisi operasional bagi istilah-istilah kunci yang mengisi judul tesis ini. Secara keseluruhannya, Bab 1 ini diharap dapat memberikan penjelasan tentang kepentingan serta kesignifikan kajian ini untuk diusahakan.

Seterusnya, Bab 2 dikhurasukan untuk membincangkan tentang metodologi yang diguna pakai untuk kajian ini. Untuk itu, perbincangan dalam bab ini akan dibahagikan kepada beberapa subtopik yang rata-rata merujuk kepada tahap-tahap dalam aktiviti kajian, yang antaranya meliputinya soal pengenalpastian lokasi/lapangan, pengenalpastian serta wawancara informan, pemerolehan dan dokumentasi bahan kajian, analisis bahan kajian dan rumusan hasil analisis. Perbincangan dalam subjudul-subjudul juga antaranya akan menjelaskan tentang justifikasi pemilihan metode, tata cara atau

prosedur pelaksanaan serta butiran-butiran lain yang relevan. Perbincangan dalam Bab 2 diharap dapat memberikan pemahaman yang jelas serta menyeluruh tentang metodologi yang digunakan dalam mendapatkan dan menganalisis, dan seterusnya merumuskan hasil analisis terhadap bahan kajian.

Seterusnya, Bab 3 diperuntukkan bagi membincangkan tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak. Bagi menyediakan pemahaman yang mantap, bab ini akan membincangkan tentang kegiatan persembahan Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman. Antara yang akan dibincangkan ialah latar belakang lokasi/lapangan, asal usul serta sejarah kemunculan Dikir Al-Burdah di kampung tersebut, penubuhan, peranan serta aspirasi persatuan/pertubuhan kebudayaan, selain bentuk serta tata cara persembahan. Untuk itu, perbincangan akan memanfaatkan maklumat yang diperoleh melalui pengamatan terhadap latihan dan persembahan oleh kumpulan sasaran, dan wawancara dengan informan. Perbincangan dalam Bab 3 diharap dapat memberikan gambaran yang jelas tentang kegiatan Dikir Al-Burdah di lokasi/lapangan yang dikaji.

Seterusnya, Bab 4 diperuntukkan untuk menganalisis bahan kajian, iaitu lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak yang dikaji. Seperti yang telah dijelaskan, sebanyak 24 buah lirik Dikir Al-Burdah telah diperoleh, didokumentasi dan seterusnya dikepalkan dalam tesis ini sebagai Lampiran A. Analisis bertujuan untuk mengenal pasti tema-tema yang terkandung dalam lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji. Dengan menerapkan Formalisme sebagai kerangka, analisis akan meneliti aspek dalam teks seperti perkataan, ungkapan, ayat serta rangkap, yang kesemuanya dianggap hadir menampung idea pokok atau tema tertentu. Seterusnya, dalam usaha untuk menganalisis dan merumuskan tema-tema keislaman berdasarkan lirik dikir Al-Burdah yang dikaji, analisis akan turut mensejajarkan tema-tema yang dikenal pasti itu dengan dalil-dalil yang bersumber Al-Quran dan Al-Hadis. Dengan fokus terhadap aspek tema ini, bahagian analisis akan dibahagikan kepada subtopik-subtopik yang diasaskan kepada tema-tema yang dikenal pasti. Perbincangan dalam Bab 4 diharapkan dapat menganalisis serta merumuskan tema-tema keislaman berdasarkan lirik dikir Al-Burdah yang dikaji.

Akhirnya, Bab 5 dimanfaatkan untuk merumuskan kembali hasil-hasil analisis yang diperoleh dalam bab sebelumnya. Tumpuan bab ini adalah untuk merumuskan dapatan-dapatan kajian khususnya soal kaitan antara lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji dengan Islam. Rumusan ini penting bagi merealisasikan objektif terakhir kajian ini, dan sekali gus merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan pada awal bab ini, iaitu soal keesahan perakuan para pengkaji bahawa kaitan seni persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk diusahakan atas beberapa sebab. Pertama, bagi memperkayakan lagi korpus ilmiah tentang seni dikir di Malaysia. Sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal perbincangan, pengamatan awal mendapati bahawa korpus penyelidikan ilmiah tentang seni persembahan dikir di Malaysia yang masih belum komprehensif. Dalam konteks ini, kajian ini penting bagi memperkayakan lagi korpus ilmiah tersebut.

Kedua, dan berkaitan dengan korpus penyelidikan juga, kajian ini penting diusahakan bagi mengisi lompong ilmiah setelah terbitnya dua buah tulisan tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak, iaitu Raslie Saharan (1988) dan tulisan Hj. Muhammad Bukhari (1994) tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak. Sebagaimana yang telah dinyatakan, dua tulisan yang lebih mirip kepada catatan penyelidikan dan pengamatan awal. Dalam konteks ini, kehadiran kajian ini penting bagi memperluaskan lagi “ufuk penyelidikan” (*the horizon of research*) tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak. Lebih penting lagi ialah hakikat bahawa kajian ini hadir sebagai sebuah tesis sarjana dengan cakupan serta analisis yang lebih komprehensif dan sistematik.

Ketiga, kajian ini juga penting diusahakan bagi menyediakan satu dokumentasi lirik yang didendangkan dalam persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, usaha ini penting kerana sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak belum lagi didokumentasi, atau diterbitkan sama ada dalam bentuk teks atau rakaman audio visual yang boleh diakses bagi tujuan ilmiah dan kesarjanaan. Dengan itu, dokumentasi lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak dalam kajian ini dapat dianggap sebagai satu usaha rintis yang dapat dimanfaatkan oleh kajian-kajian ilmiah yang selanjutnya.

Keempat dan terakhir ialah bagi merumuskan soal tema-tema keislaman dalam lirik dikir Al-Burdah. Sebagaimana yang telah dinyatakan, sehingga kini dan sepanjang yang diamati, soal adanya perkaitan antara dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam telah menjadi seperti satu “fakta” yang diperakui dalam tulisan-tulisan awal mengenainya. Akan tetapi, perakuan ini tidak pula disokong dengan analisis yang sistematis terhadap lirik dikir Al-Burdah di Sarawak. Justeru, kajian ini penting untuk diusahakan bagi mengesahkan perakuan-perakuan tersebut.

RUJUKAN

- A.Bakar Hamid. “Tema Pada Sajak-Sajak Melayu”. *Dewan Bahasa*. Januari 1989. Hlm. 5.
- Abdul Halim Ali. *Mendekati Puisi Melayu Tradisional*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu, 2006.
- Abdul Razak Bin Mohamed. “Dikir Pahang”. Ijazah Sarjana Muda Persuratan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77.
- Abdul Wahab Bin Abu. “Dikir Hadrah Cerminan Masyarakat Melayu Utara”. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2003.
- Ahmad Lufti Bin Abdul Wahab Al-Linggi. *Qosidah Al-Burdah Imam Al-Busairi R.A: Puji-Pujian Untuk Rasulullah S.A.W*. Kajang: Mawleed Publishing, 2009.
- Ali Ahmad. *Asas Menganalisa Cerea*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Al-Imam Nawawi. *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III & IV*. Klang, Selangor: Klang Book Centre, 1988.
- Arham. “Qasidah Burdah Imam Al-Busayri (Suatu Analisis ‘Ilm Al-Qawafi’). Skripsi Sarjana Sastra Pada Fakultas Sastra. Makassar: Universitas Hasanuddin, 2013.
- Aripin Said. “Dikir Rebana”. *Dewan Budaya*, Oktober 2001. Hlm 40-41.
- Baharuddin Zainal. *Mendekati Kesusastraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Dharmawijaya. *Berkenalan Dengan Puisi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988.
- Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka). *Tafsir Al-Azhar Juzuk 4-5-6*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam, 1984.
- Haji Mustakin. *Indeks Al-Quran Panduan Mencari Ayat Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd., Jun 1999.
- Harun Jaafar. “*Puisi-Puisi Memuji Rasulullah*”. Dlm. *Wacana Kesusastraan Melayu Klasik*. Hlm. 35-67. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2002.
- Harun Mat Piah. “Fungsi Dan Penyebaran Permainan Kesenian Melayu Di Malaysia”. *Dewan Budaya*. April 1980. Hlm. 23-26.

- _____. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre Dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- _____. *Puisi Melayu Tradisional: Nasihat Dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Hashim Awang. *Glosari Mini Kesusastraan*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1987.
- Hastings, J. *Dictionary Of Literary Term*. Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn. Bhd., 2002.
- Hj. Muhammad Bukhari Lubis. “*Dendangan Puisi Al-Burdah Di Kampung Sessang, Sarawak*”. Dlm. *Persuratan Islam*. Hlm. 127-132. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Imam Al-Nawawi. *Syarah Al-Wafī: Hadis 40: Bicara Rasulullah S.A.W*. Bandar Baru Bangi: Syabab Book Link, 2012.
- Imam Nawawi. *Riyadhus Shalihin: Perjalanan Menuju Taman Surga*. Bandung: Penerbit Jabal.com, 2010.
- Ishak Abdul Razak Bakari. “Studi Kritis Terhadap Pemikiran Al-Busiri Dalam Kasidah Al-Burdah”. Tesis Magister Pemikiran Islam. Makassar: Universitas Islam Negeri Alauddin, 2014.
- Jamil Hj Hamali *et al.*, *Islam Di Borneo*. UiTM Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, 2009.
- Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun ke-25 Sarawak Merdeka dalam Malaysia. *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, 1988.
- Jefferson, A. & Robey, D. (eds). Penterjemah Mokhtar Ahmad. *Teori Kesusastraan Modern: Pengenalan Secara Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Khairul Naim Mansor (Ed). *Al-Quran Perkata Kaedah Berwarna Al-Andalus*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2015.
- Lukman Ali. *Bahasa Dan Kesusastraan Melayu*. Jakarta: Gunung Agung, 1967.
- Mana Sikana. *Kritikan Kesusastraan: Pendapat Dan Kaedah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1986.
- _____. *Teori Dan Pendekatan Kritikan Sastera Modern*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988.

- _____. *Falsafah Dan Seni Kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- _____. *Teori Sastera Kontemporari Edisi VIII*. Selangor: Penerbit Pustaka Karya, 2012.
- Mohamad Nadzir Bin Hassan. "Dikir Laba: Satu Tinjauan Di Mukim Padang Embun, Pasir Mas Kelantan." Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77.
- Mohd. Taib Osman. "Traditional Malay Music: A Traditional Cultural Expression In Contemporary Setting". *Jurnal Budaya Melayu* 4, 1979. Hlm. 97-111.
- Perrine, L. & Arp, Thomas R. *Literature Structure, Sound And Sense*. Orlando, Florida: Harcourt Brace & Company, 1993.
- Quinn, E. *A Dictionary Of Literary And Thematic Term*. New York: Checkmark Books, 2000.
- Raslie Saharan. "Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak". Dlm. *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Hlm. 115-170. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, 1988.
- Sakinah Abu Bakar. "Kelestarian Khazanah Tradisi Islam Qasidah Burdah Dalam Masyarakat Setempat: Kajian Kes Di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah". *Jurnal Gendang Alam*. Jilid 4, 2014. Hlm. 19-31.
- Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid. *Tafsir Mubin Jilid 3 (Juzuk 11-15)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Strouf, Judie L. H. *Literature Lover's Book Of List*. United Stated of Amerika: Store Song Press, H. Ins, 1998.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. *Kedudukan Ilmu Dalam Kesusastraan Teori & Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), 2010.
- Usman Awang dan A. Samad Said. *Tema Dan Tugas Sastera Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Federal Publication Ltd., 1963.